


Jilid I
Bil. 51



Hari Isnin
27hb Oktober, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Yang di-Pertua Bercuti Kerana Keuzuran [Ruangan 5901]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5901]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 5902]
Cuti Y.B. Tun Datu Haji Mustapha—Kebenaran [Ruangan 5903]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5904]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5935]

USUL-USUL:

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG:

Akta Pelajaran, 1961—Membatalkan Fasal 21 (2) [Ruangan 5935]
Akta Pencegah Rasuah, 1961—Meminda [Ruangan 5960]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 27hb Oktober, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

Yang Berhormat PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

YANG DI-PERTUA BERCUTI KERANA KEUZURAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya maklumkan iaitu Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil bercuti kerana keuzuran sehingga hari Selasa 2hb Disember, 1975.

Saya juga suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengikut Peraturan 7(3), Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas akan mempengerusikan mesyuarat semasa saya tidak mempengerusikan Dewan. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat sudah kenal Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas ini iaitu seorang yang tinggi, panjang dan hebat, yang duduk dibangku di sebelah kiri saya ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: (*Bangun*) (*Tepuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terima kasih.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan), 1975;
2. Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1975;
3. Akta Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975), 1975;
4. Akta Kastam (Pindaan), 1975;
5. Akta Matawang Malaysia (Ringgit), 1975;

6. Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1975;
7. Akta Penstabilan Harga Getah, 1975;
8. Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama), 1975;
9. Akta Peguambela (Pindaan), 1975;
10. Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan), 1975;
11. Akta Senjata (Pindaan), 1975;
12. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1975;
13. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2), 1975;
14. Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan), 1975;
15. Akta Binatang (Pindaan), 1975;
16. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1975; dan
17. Akta Pencen (Sarawak (Pindaan), 1975.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima juga satu keputusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Keputusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Keputusan*)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975);

4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit);
6. Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah;
8. Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama);
9. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Senjata (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Binatang (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan); dan
17. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Negara”.

CUTI Y.B. TUN DATU HAJI MUSTAPHA—KEBENARAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun selama satu tahun mulai 6hb November, 1975.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KESELAMATAN NEGARA

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa Malaysia, sebagaimana dengan dunia barat khususnya Britain, adalah menghadapi masalah-masalah keselamatan yang menimbulkan rasa kebimbangan dan juga tekanan dari pihak kesatuan-kesatuan sekerja dengan tuntutan-tuntutan yang tidak dapat diselesaikan dengan muktamat. Nyatakan adakah ini berkaitan dengan gara-gara demokrasi barat dan samada Kerajaan sedar atau tidak bahawa rakyat jelata memandang keadaan ini dengan penuh pertanyaan dan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kita menghadapi masalah keselamatan khususnya daripada penganas-penganas komunis dan anasir-anasir subversif yang sentiasa mencuba hendak menimbulkan huruhara di negara kita. Tetapi kita tidak menghadapi masalah keselamatan ini akibat tekanan dari pihak kesatuan-kesatuan sekerja daripada tuntutan-tuntutan mereka. Masalah yang ada hubungan dengan keselamatan yang terdapat di negara kita pada masa ini tidak ada kaitan dengan gara-gara demokrasi Barat sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Masalah yang ada kaitan dengan keselamatan adalah disebabkan oleh mereka yang ingin merampas kuasa secara paksaan dan hendak menimbulkan keadaan huruhara di negara kita ini. Selain daripada langkah-langkah keselamatan secara operasi dan juga tangkapan yang dilakukan oleh Pasukan Keselamatan kita, beberapa cara lain juga untuk melibatkan penyertaan seluruh rakyat seperti rancangan rukun tetangga sedang dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan bahawa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah-masalah keselamatan yang disebutkan oleh beliau seperti Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan)

seperti niat Kerajaan untuk memperketatkan kebebasan pelajar-pelajar keluar negara untuk menyambungkan pelajaran tinggi akan merumitkan masaalah-masaalah keselamatan oleh kerana langkah-langkah tersebut bukan sahaja mengurangkan hak asasi rakyat jelata tetapi diambil tanpa kelulusan perbincangan Parlimen dan consultation dengan orang ramai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan negara ini dan Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan perlu dan mustahak untuk mengatasi masaalah ini. Ancaman daripada pihak pengganas-pengganas dan anti-nasional ini boleh dikatakan serious dan langkah-langkah yang perlu dan berpatutan mestilah diambil. Kerajaan adalah mempunyai kuasa di bawah Undang-undang Dharurat dan Kerajaan terpaksa menjalankan kuasa-kuasa itu.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini tidak dibawa ke Parlimen adalah tidak benar kerana Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri telah dibincangkan dengan panjang lebar di Dewan ini, barangkali sebelum Ahli Yang Berhormat menjadi Ahli Dewan ini, dan telah diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana Menteri Kabinet ada berkata bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) akan dikemukakan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti, Ahli Yang Berhormat! Pertanyaan asal ialah apa langkah-langkah sedang dijalankan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah terangkan langkah-langkah yang dijalankan. Jadi, tak usah langkah itu dibahaskan lagi sebagaimana Ahli Yang Berhormat bahaskan. Kalau ada pertanyaan tambahan yang lain, boleh bertanya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan ialah bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa untuk menghadapi lebih berkesan masaalah-masaalah keselamatan yang kita ada sekarang bahawa semua tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil mengikut dengan menghormati cara-cara, perinsip-perinsip demokrasi, dan berpunca daripada itu bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi

jaminan bahawa masa akan diberi untuk satu perbincangan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah soalan Ahli Yang Berhormat minta jaminan?

Tuan Lim Kit Siang: Ada dua perenggan. Satu, ialah bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bahawa semua langkah-langkah dan tindakan-tindakan keselamatan yang diambil akan diambil mengikut cara-cara mengikut perinsip-perinsip semangat-semangat demokrasi berparlimen dan kedua, mengikut

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kita sudah berparlimen. Kalau tidak, kita tidak bersidang pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi ada langkah-langkah yang diambil yang tidak mengikut semangat-semangat demokrasi berparlimen, sebab itu saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah beliau memberi satu jaminan untuk menghormati spirit itu dan melapangkan masa untuk mengemukakan satu perbincangan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) oleh kerana sekiranya tidak ada perbincangan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa pertanyaan selama satu jam diberi itu bukan untuk berbahas, untuk bertanya. Kalau untuk berbahas ada masa berbahas, jadi ini untuk bertanya, yang hendak ditanya itu apa?

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya pendekkan soalan saya. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menambah baik keadaan keselamatan dapat melapangkan masa untuk Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) dibincangkan dan diterima oleh rakyat jelata.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) itu dibuat di bawah Undang-undang Keselamatan dan akan dibentangkan di Dewan ini. Kalau Ahli Yang Berhormat berkehendak dibincangkan, perkara itu bolehlah dibincangkan di dalam Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, malangnya beliau tidak hadir, telah menyatakan Essential (Security Cases) Regulations akan dibincangkan di Dewan ini di dalam persidangan ini. Kalau beliau sedar, bolehkah beliau memberitahu bila Dewan ini ada peluang untuk membincangkan Peraturan tersebut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk keselamatan negeri jika tidak mengikut perinsip demokrasi berparlimen atau mengikut hak-hak asasi kemanusiaan, maka langkah-langkah itu boleh jadi counter-productive?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini juga soalan lain kerana tak timbul soal tak berparlimen. Ini sudah saya jelaskan masa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, beliau kata sudah berparlimen. Kalau hendak bertanya apa-apa langkah itu boleh ditanya, tetapi kalau hendak dibahaskan langkah-langkah itu belum masanya lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada mengatakan sekiranya pihak kita mahu berbahas Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) boleh diadakan dan oleh kerana saya ada satu usul yang dikemukakan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu kenyataan samada masa tertentu akan diketepikan untuk satu perbincangan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan akan dibincangkan.

MELAYU TERPERANGKAP MENYERTAI-MENYERTAI GEROM- BOLAN KOMINIS

2. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelamatkan orang-orang Melayu yang telah terperangkap

menyertai gerombolan-gerombolan kominis supaya mereka dapat mengecapi hidup sebagai seorang Islam.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tegas bukan sahaja untuk menyelamatkan orang-orang Melayu atau orang-orang Islam bahkan juga rakyat Malaysia dari lain-lain kaum yang telah terperangkap menyertai gerombolan-gerombolan kominis.

Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah menggesa mereka supaya meletakkan senjata dan meninggalkan perjuangan yang sia-sia itu. Dalam menjalankan usaha-usaha ini, Kerajaan telah menggugurkan risalah-risalah di kawasan-kawasan yang disyaki ada penganas-penganas komunis dan menerangkan cara bagaimana mereka boleh menyerah diri. Alat-alat sebaran am juga telah digunakan dari semasa kesemasa bagi menerangkan dasar-dasar dan kejayaan Kerajaan dalam meninggikan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum. Ada juga cara-cara lain yang dilaksanakan tetapi tidak wajar bagi saya menerangkannya di sini. Bagi buktinya telah banyak kita saksikan umpamanya "Sri Aman" di Sarawak. Bagi mereka yang telah menyerah diri atau pulang ke pangkuan masyarakat layanan-layanan seperti rakyat biasa adalah sentiasa diberi.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri ketahui bahawa sebenarnya orang-orang Islam yang menyertai gerombolan kominis ini adalah semata-mata diperdayakan oleh kominis dengan sebab faham kominis adalah berlawanan dengan ajaran Islam yang suci dan untuk menyelamatkan orang-orang Islam itu suatu langkah atau polisi Kerajaan hendaklah dibuat untuk tujuan tersebut? Apakah suatu langkah telah dibuat atau disediakan hari ini supaya jangan banyak lagi orang-orang Islam terpedaya di masa hadapan kalau sekiranya jawapan ini tidak rahsia?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya rasa terbahagi kepada dua bahagian. Yang pertama, bagaimana kita dapat menyelamatkan orang yang terjerumus; dan satu lagi bagaimana menahan supaya jangan orang

termasuk dalam perangkap komunis. Jadi, soal yang pertama tadi sudah saya jawab iaitu ada beberapa cara dan jalan kita buat. Bahkan saya tahu Yang Berhormat sendiri di kampungnya sentiasa ke mesjid bersyarah (lecture) dan dalam syarahan itu manalah tahu barangkali ada daripada mereka itupun mendengar. Inilah satu daripada cara-cara nya yang kita buat, tetapi untuk menahan mereka masuk terjerumus ke dalam perangkapnya, itu adalah satu perkara lain, saya rasa jawapannya tidak ada pada saya waktu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dari masa ke semasa lebih ramai orang-orang Melayu menyertai gerombolan-gerombolan komunis atau menyokong Parti Komunis Malaya di tanah air kita?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui penuh berapa ramai bilangan orang masuk komunis dan kita mengetahui berapa bilangan orang Melayu yang masuk dan kita tidak nampak bahawa gambarannya itu adalah bertambah.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah perkara-perkara yang akan diutamakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (b) samada Kerajaan akan memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat termasuk kesatuan-kesatuan sekerja, dan parti-partai politik yang tidak diwakili di Parlimen dan golongan-golongan lain yang berminat untuk membincang Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga sebelum ianya dilaksanakan.

Perdana Menteri: Rancangan Malaysia Ketiga akan terus menjalankan dan melaksanakan kedua-dua matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru, iaitu menghapuskan kemiskinan tidak kira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Rancangan ini, bagaimanapun, akan memberi perhatian yang lebih kepada masalah penduduk-penduduk miskin dalam masyarakat Malaysia dengan tidak mengira bangsa, terutamanya terhadap mereka yang tinggal di luar bandar dan juga

setengah-setengah golongan pekerja di bandar-bandar di mana masalah kemiskinan itu sangat mendesak. Golongan-golongan yang diutamakan ialah pekebun kecil getah, penanam padi, kaum nelayan, pekebun kelapa, pekerja-pekerja ladang, penduduk kampung-kampung baru, buruh pertanian dan golongan miskin dalam bandar-bandar Ahli Yang Berhormat akan berpeluang mengkaji dasar-dasar dan program-program Kerajaan yang terdapat dalam Rancangan tersebut apabila Rancangan ini dibawa ke Parlimen kelak.

Berhubung dengan bahagian kedua kepada soalan ini, Ahli Yang Berhormat patutlah faham bahawa perbincangan, kritik-kritik dan cadangan-cadangan mengenai dasar dan pelaksanaan sesuatu Rancangan Pembangunan memanglah sentiasa dilakukan samada di dalam ataupun di luar Dewan ini oleh semua peringkat badan-badan pertubuhan. Begitu juga seperti di masa-masa lalu, pelaksanaan sesuatu Rancangan itu adalah sentiasa tertakluk kepada semakan tahunan (annual review) terutamanya di dalam Dewan ini semasa kita membincangkan belanjawan negara, peruntukan perbelanjaan, dan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh sesuatu Kementerian dan Jabatan. Oleh yang demikian, saya rasa memang ada peluang-peluang yang cukup menurut Perlembagaan kita dan prinsip demokrasi yang kita amalkan bagi semua pihak memberi pandangan dan teguran terhadap Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tujuan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua ada dua tujuan, yang pertama untuk menghapuskan kemiskinan dan yang kedua untuk menyusun semula masyarakat di tanah air kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah beliau sedar atas kejayaan tujuan pertama iaitu menghapus kemiskinan di tanah air kita telah tidak berjaya di dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua. Oleh sebab itu, apakah emphasis Kerajaan akan tumpukan kepada Rancangan Malaysia Ketiga supaya kita benar-benar boleh, bukan sahaja menghapuskan kemiskinan di tanah air kita, tetapi mengurangkan kemiskinan antara orang yang tidak berada di tanah air kita.

Perdana Menteri: Saya telah terangkan tadi itulah perkara-perkara yang kita akan utamakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dengan seberapa yang boleh. Jadi, saya fikir perkara ini eloklah dibincangkan dengan panjang-lebar apabila Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada Kerajaan akan menjemput wakil-wakil parti politik untuk memberi pandangan mereka terhadap Rancangan Malaysia Ketiga melalui RTM.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Melalui RTM?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak biasa dibuat. Perbincangan adalah diadakan dalam Dewan ini dan pihak Pembangkang ada mempunyai hak mengeluarkan buah fikiran dalam Dewan ini. Itu menurut dasar demokrasi yang kita jalankan. Saya tidak faham kalau ada cara lain yang patut dijalankan.

Dr Tan Chee Khoo: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di dalam Rancangan Malaysia Kedua ada beberapa rancangan seperti MARA, FIDA, FIMA dan sebagainya untuk satu golongan sahaja. Itu saya memang tidak membantah, tetapi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga adakah Kerajaan merancang untuk semua golongan di tanah air kita yang tidak berada atau yang miskin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menjelaskan tadi iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini meliputi bagi semua lapisan rakyat. Jadi termasuk semua sekali tidak kira apa golongan. Jadi, tidak payah Yang Amat Berhormat menjawab lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di semua negara yang mengamalkan demokrasi dan ada rancangan pembangunan, peringkat yang mustahak dalam satu-satu rancangan pem-

angunan ialah peringkat menyediakan rancangan itu dan dalam peringkat menyediakan rancangan itu macam sekarang ini kita di dalam peringkat menyediakan rancangan Malaysia Ketiga, semua perkara dikemuka terbuka dan semua lapisan dan pihak masyarakat ada menyertai atau. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini di mana dibuat, demokrasi negeri mana?

Tuan Lim Kit Siang: Di mana-mana pun yang ada rancangan Development Plan, baik lima tahun atau sepuluh tahun. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di sini-lah tempatnya—di Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebutkan berkenaan demokrasi. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu kenapa Kerajaan enggan memberi peluang kepada orang ramai dan masyarakat dalam peringkat menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga supaya pendapat dalam peringkat ini yang mustahak boleh memberi sumbangan sebelum Rancangan Malaysia Ketiga akan jadi satu plan yang muktamad apabila dikemukakan kepada Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebenarnya, perkara itu sudah juga dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi kalau Yang Amat Berhormat hendak menambah lagi silakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok kalau Ahli Yang Berhormat itu membaca cara amalan demokrasi berparlimen supaya dia faham cara demokrasi yang dijalankan di mana-mana negeri, terutama sekali barangkali di United Kingdom iaitu "Mother of Parliament".

BEKAS PERAJURIT MENJALANI LATIHAN PERALIHAN

4. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa kursus-kursus penempatan yang diberi kepada bekas-bekas askar tidak diiktiraf oleh pihak swasta; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan di bidang swasta.

Perdana Menteri: Latihan Peralihan yang diberi kepada bekas perajurit bolehlah dibahagikan kepada 4 bidang:

- (a) Latihan Vokesyenal dan Teknikal
- (b) Kursus Pertanian dan Ternakan
- (c) Kursus Perniagaan
- (d) Kursus Pengurusan—Khas bagi bakal bekas pegawai.

Selain daripada latihan atau kursus yang saya nyatakan tadi, pihak Kementerian Pertahanan juga ada mengaturkan latihan penyesuaian—sambil bekerja untuk mereka yang sudah memiliki sesuatu kemahiran.

Bakal bekas-bekas perajurit yang menjalani kursus-kursus Pertanian dan Ternakan, Perniagaan dan Pengurusan adalah biasanya digalakkan supaya membuat pekerjaan atau perniagaan mereka sendiri. Biasanya hanya mereka yang mengambil latihan vokesyenal dan teknikal sahaja yang mencari pekerjaan dengan firma-firma atau kilang-kilang di Bahagian swasta. Kebanyakan daripada bekas perajurit yang telah dilatih oleh Kementerian dalam bidang ini telahpun berjaya mendapat pekerjaan di bidang swasta. Begitu juga daripada laporan-laporan yang diterima adalah diketahui bahawa sebahagian besar daripada mereka yang menjalankan latihan penyesuaian-sambil bekerja telahpun diambil untuk bekerja secara tetap oleh firma atau kilang yang memberi latihan kepada mereka. Oleh yang demikian, tidaklah begitu benar untuk menyatakan bahawa latihan peralihan yang diberikan itu tidak diakui oleh pihak swasta.

Dalam usaha untuk membantu bekas-bekas perajurit mendapatkan pekerjaan di bidang swasta, sebuah pejabat pekerjaan telahpun ditubuhkan di Kementerian Pertahanan semenjak tahun 1970. Kerajaan juga sedang menubuh beberapa pejabat wilayah yang akan bertanggungjawab khas bagi membantu bekas perajurit mendapatkan pekerjaan di kawasan-kawasan yang di bawah jagaan pejabat-pejabat tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan menjelaskan samada benar seorang anggota tentera umpamanya kalau sekiranya beliau tidak berkhidmat selama 10 tahun, beliau tidak diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kursus-kursus yang diberi kepada anggota tentera sebelum beliau menamatkan perkhidmatannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kebiasaannya begitulah. Akan tetapi seseorang anggota tentera itu dikehendaki berkhidmat lebih kurang 20 tahun, hanyalah dengan sebab-sebab yang tertentu sahaja mereka itu dibenarkan berhenti sebelum daripada tamat berkhidmat 21 tahun.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan menimbangkan cadangan saya iaitu seorang yang telah berkhidmat di dalam tentera umpamanya . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 20, membuat cadangan tidak boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak bertanya, boleh!

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah beliau menerima cadangan saya, iaitu seorang yang telah berkhidmat selama 6 tahun hingga 10 tahun diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kursus-kursus yang telah diberi kepada perajurit yang ada berkhidmat lebih daripada 10 tahun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, biasanya anggota-anggota yang minta berhenti berkhidmat sebelum 10 tahun ialah pegawai-pegawai yang telah mendapat kerja di swasta atau di tempat-tempat lain, jadi mereka tidak memerlukan latihan-latihan. Kalau ada di antara mereka yang memerlukan latihan, perkara ini boleh juga kita timbangkan.

RANCANGAN BUKU HIJAU

5. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak Rancangan Buku Hijau dilancarkan dan sambutan yang diberikan oleh rakyat dari berbagai-bagai keturunan kepada rancangan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau boleh dilihat dari segi matlamat yang hendak dicapai oleh rancangan ini.

Matlamat pertama rancangan ini ialah untuk menambah pendapatan rakyat di luar bandar dan di bandar sebagai satu usaha mengurangkan tekanan inflasi. Dari segi ini didapati bahawa mereka yang telah menyahut seruan Rancangan ini telah mendapat kejayaan dari segi menambah pendapatan masing-masing. Kejayaan yang dapat dilihat dari segi turunnya kadar inflasi bagi setengah barang-barang keperluan utama serta bahan-bahan makanan yang lain. Kesan ini nampak dilihat di kawasan-kawasan di mana Rancangan Buku Hijau itu dijalankan dengan giatnya.

Anggaran jumlah tanah yang diusahakan di bawah Rancangan Buku Hijau pada akhir bulan Jun, 1975 ialah 48,226 ekar. Luas tanah yang diusahakan telah bertambah semenjak tarikh itu tetapi angka menyeluruh mengenai pertambahan ini sedang dikumpul dan kedudukan yang terakhir hanyalah dapat diketahui pada hujung tahun ini.

Matlamat kedua rancangan ini ialah untuk melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara. Tujuan ini juga telah dapat dilaksanakan dan kita mengetahui hari ini iaitu barang-barang keperluan adalah dapat dikeluarkan dengan lebih banyak lagi di negara kita ini. Kita harap usaha-usaha ini akan dapat diperluaskan lagi pada masa yang akan datang sehingga Malaysia dapat mengeluarkan barang-barang makanan yang cukup untuk keperluan kita sendiri.

ELAUN PERJALANAN AHLI-AHLI PARLIMEN

6. Tuan Abit anak Angkin minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menyemak elaun perjalanan Ahli-ahli Parlimen, memandangkan bahawa jumlah wang sebanyak \$150 tidak mencukupi untuk perbelanjaan pengangkutan Ahli-ahli dalam menjalankan tugas mereka atas alasan seperti lawatan biasa ke kawasan mereka, pertemuan dengan Menteri/Orang Kenamaan bila mereka melawat kawasan dan pembukaan projek-projek desa yang kecil dan lain-lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk hendak menaikkan elaun perjalanan bagi Ahli-ahli Parlimen pada masa ini, lebih-lebih lagi apabila negara sedang menjalankan langkah-langkah berjimat cermat di semua bidang.

Selain daripada elaun bulanan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah dinaikkan kepada \$1,500 sebulan, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah juga diberi elaun perjalanan sebanyak \$150 sebulan dan jumlah ini adalah difikirkan mencukupi bagi membiayai lawatan-lawatan Ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing, iaitu sebagai tambahan kepada elaun bulanan yang diterima.

PENGEBOMAN TUGU PERINGATAN NEGARA

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada di masa akan datang beliau akan memberitahu semua Ahli-ahli Parlimen tentang kejadian seperti pengeboman Tugu Kebangsaan dan serangan ke atas Ibu Pejabat Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur baru-baru ini dan memanggil Parlimen untuk membincangkan perkara tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu samada bagi masa akan datang saya akan memberitahu semua Ahli-ahli Parlimen tentang kejadian seperti pengeboman Tugu Peringatan Negara dan juga serangan ke atas Ibu Pejabat Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur yang berlaku baru-baru ini, saya suka menyatakan bahawa jika Ahli-ahli Parlimen berkehendakkannya, Kementerian Dalam Negeri bolehlah memberi keterangan berkenaan dengan hal ini.

Berkenaan dengan soal memanggil Parlimen untuk membincang perkara tersebut, saya fikir perkara itu tidaklah begitu besar yang memerlukan kita memanggil khas Parlimen untuk membincangkannya. Perkara ini boleh ditimbulkan dalam masa kita membahaskan Belanjawan Tahunan pada mesyuarat ini.

PERSATUAN I.P.U. DAN C.P.A.

8. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin bertanya kepada Perdana Menteri adakah beliau sedar iaitu penyertaan Ahli-ahli Parlimen di mesyuarat peringkat antarabangsa seperti di Bangsa-bangsa Bersatu serta badan-badannya I.P.U. dan C.P.A. patut diperkuatkan perwakilannya sejajar dengan Malaysia sebuah negara yang sedang membangun dan supaya penyertaan kita di mesyuarat-mesyuarat itu memberi kesan yang mendalam kepada negara-negara yang lain, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini dan saya bersetuju bahawa sangat perlu kita menghantar wakil-wakil ke persidangan—ke persidangan yang tersebut iaitu wakil-wakil daripada Ahli-ahli Parlimen.

Walau bagaimanapun, bilangan Ahli-ahli Parlimen yang menyertai mesyuarat peringkat antarabangsa seperti di Bangsa-bangsa Bersatu, badan-badan seperti I.P.U. dan C.P.A. bergantung bukan sahaja kepada mustahaknya sesuatu persidangan itu tetapi juga kepada keadaan kewangan Negara.

Berkenaan dengan I.P.U. dan C.P.A. Cawangan Malaysia, Kerajaan sedang menimbang untuk menambahkan peruntukan tahunan kepada kedua-dua persatuan tersebut.

LAPURAN SURUHANJAYA IBRAHIM ALI

9. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan samada Laporan Suruhanjaya Ibrahim Ali akan dilaksanakan awal kerana ramai pekerja-pekerja merasa curiga bahawa kempen jimat-cermat yang dilakukan sekarang adalah satu gimmick untuk melambatkan pelaksanaan laporan tersebut.

Perdana Menteri: Kerajaan telah memutuskan supaya Laporan Suruhanjaya Ibrahim Ali itu diedarkan kepada pihak pekerja untuk mendapat ulasan mereka dan pada ketika ini mereka sedang mengkaji Laporan itu. Ulasan-ulasan itu akan dihantar kepada Suruhanjaya tersebut untuk timbangannya dan selepas itu barulah dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan. Selagi Kerajaan belum menerima laporan yang dibuat setelah mendapat ulasan-ulasan daripada pihak-pihak pekerja dan juga Jawatankuasa Pegawai yang telah ditubuh oleh Kerajaan untuk mengkaji Laporan ini, maka tidaklah dapat Kerajaan menentukan samada Laporan ini akan dilaksanakan atau pun tidak.

Adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa Kerajaan telah menjalankan kempen jimat-cermat yang bertujuan hendak melambatkan pelaksanaan Laporan tersebut. Kerajaan telah menjalankan kempen jimat-cermat dari semenjak negara ini mengalami inflasi. Kempen jimat-cermat ini bukanlah

ditujukan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan sahaja bahkan terhadap orang ramai juga pada semua lapisan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa Kerajaan menerima Laporan Suruhanjaya Ibrahim Ali atas prinsipnya sebelum keterangan-keterangan, ulasan-ulasan atau pendapat-pendapat dari Kesatuan Sekerja didapati.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa Kerajaan tidak boleh menimbangkan perkara ini sehingga telah mendapat laporan daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga Jawatankuasa yang telah dilantik untuk menyemak Laporan ini.

KEMANGKATAN ALMARHUM AL-MALIK FAISAL

10. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) siapakah yang mewakili Kerajaan Malaysia di upacara pekebumian jenazah Al-Marhum Al-Malik Faisal, Raja Arab Saudi di Riyadh pada 26-3-1975 yang lepas; dan
- (b) samada benar bahawa dengan ketiadaan hadir Perdana Menteri sebagai wakil Malaysia di upacara pekebumian itu maka satu sekatan had tinggal di Mekah telah dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi ke atas jemaah-jemaah haji Malaysia pada tahun ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kemangkatan Al-Marhum Al-Malik Faisal adalah secara mengejut dan istiadat pekebumian telah diadakan pada hari esoknya, kita tidak dapat menghantar seorang Menteri Kanan atau pun saya sendiri pergi untuk mewakili Kerajaan dari Kuala Lumpur, kerana telah diperkirakan tentu tidak sempat sampai pada ketika yang dikehendaki. Oleh sebab Duta Besar kita di Saudi Arabia pada masa itu bercuti, kita telah menghantar Duta Besar kita di Mesir untuk menghadiri istiadat pekebumian itu. Kemudian daripada itu, saya telah menghantar Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Luar, untuk mengadap Raja Al-Malik Khalid dan menyampaikan ucapan takziah yang khas kepada Baginda dan Kerajaan Saudi Arabia.

Masalah sekatan had tinggal di Mekah kepada bakal-bakal haji tidaklah timbul kerana Jemaah Haji Malaysia dibenarkan tinggal di Arab Saudi pada seluruh musim haji. Peraturan-peraturan baru yang dibuat berkenaan dengan Jemaah Haji telah dikena kepada semua negara yang menghantar Jemaah Haji, bukanlah Malaysia sahaja.

PEGAWAI KERANI PELAJARAN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah kedudukan dan pelaksanaannya sekarang mengenai cadangan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran hendak mengubah 282 jawatan kerani negeri, 641 jawatan kerani persekutuan dan 2,267 jawatan kerani sekolah untuk dimasukkan ke dalam satu perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Kerani Pelajaran dan nyatakan apakah kebajikannya yang menyebabkan perubahan itu dibuat.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memberi satu gelaran sahaja kepada jawatan-jawatan kerani di Kementerian Pelajaran yang akan dikenali sebagai Pegawai Kerani Pelajaran adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan. Sehingga satu keputusan mengenainya tercapai, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tidak dapat membuat urusan untuk menerapkan Pegawai-pegawai Kerani Negeri dan Pegawai-pegawai Kerani Persekutuan yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian ini ke dalam perkhidmatan yang dicadangkan itu.

Ada beberapa kebaikan didapati mengenai cadangan hendak meletakkan jawatan-jawatan kerani di Kementerian ini di bawah satu perkhidmatan. Di antaranya, perkhidmatan kerani yang dikhaskan untuk Kementerian Pelajaran sahaja. Dengan ini dapatlah diadakan sistem pengawalan dan penyeliaan yang lebih teratur terhadap kerani-kerani yang berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran. Mereka akan juga mendapat peluang naik pangkat yang lebih saksama. Dengan menyatukan kerani-kerani ini di bawah satu perkhidmatan, rancangan-rancangan latihan dalam perkhidmatan dapat dirancang dengan lebih berkesan. Juga pengkhususan kerja yang lebih kemas akan dapat diaturkan dan seterusnya ini akan menghasilkan kemahiran kerja yang lebih tinggi.

MATAPELAJARAN ILMU HISAB/SAINS

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerannya sedar bahawa pelaksanaan perubahan matapelajaran daripada tradisional kepada moden tidak berjalan dengan lancar kerana kekurangan tenaga pengajar dan kekurangan kemudahan dan alat-alat.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah begitu umum, kerana tidak dinyatakan matapelajaran-matapelajaran yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, untuk matapelajaran-matapelajaran Ilmu Hisab dan Sains kita telah mengadakan satu seminar pada tahun 1973, dalam mana kita telah menganalisa masalah-masalah yang terpaksa dihadapi apabila membuat perubahan dari tradisi kepada moden. Juga langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah ini telah difikirkan dan dilaksanakan. Umpamanya, rancangan perubahan ini adalah "flexible". Sekolah-sekolah tidak dipaksa membuat perubahan dari tradisi kepada moden hingga kepada suatu masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Untuk melicinkan lagi perubahan dari kurikulum tradisi kepada moden pihak Kementerian telah mengadakan berbagai-bagai kursus baik di peringkat negeri maupun di peringkat Federal untuk menyediakan guru-guru menghadapi kurikulum yang baru. Walau bagaimanapun, tidak semua guru dapat diberi kursus dengan serentak. Kadangkala akan ada kekurangan dan pihak Kementerian akan cuba mengatasinya secepat mungkin.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar mengenai satu masalah yang telah timbul daripada perubahan matapelajaran Hisab dan Ilmu Sains dari cara lama kepada kurikulum moden di Sekolah-sekolah China di mana guru-guru Sekolah-sekolah China ada menghadiri seminar atau kursus kurikulum moden untuk kedua-dua mata-pelajaran tersebut melalui bahasa pengantar Bahasa Malaysia. Tetapi bagi mereka yang mengajar dalam Bahasa China dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, bagaimana mereka boleh

menggunakan kursus itu untuk disesuaikan kepada Sekolah-sekolah Rendah China. Adakah Kementerian Pelajaran membuat rancangan bagi mengadakan kursus modern science atau modern mathematics dan integrated science dalam bahasa China untuk guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah China..

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan tadi semua masalah yang akan timbul apabila kita melaksanakan pertukaran daripada tradisi kepada moden ini telahpun dikaji dan cara-cara mengatasinya telahpun difikirkan. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa perkara ini adalah flexible dan di mana terdapat yang perkara ini tidak dapat diatasi, maka tidak perlu ditukar daripada tradisi kepada moden.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran telah membuat rancangan untuk mengadakan kursus-kursus ini dalam bahasa China untuk guru-guru sekolah China bagi membolehkan mereka membuat perubahan itu? Oleh kerana sekiranya tidak ada kursus itu perubahan itu tidak boleh dibuat dan tidak ada flexibility atau non-flexibility.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap masalah yang timbul itu boleh kita atasi dengan berbagai-bagai cara dan cara yang lebih sesuai sekali akan difikirkan oleh Kementerian untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul.

SETINGGAN-SETINGGAN DI KAMPUNG PAKAR

13. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada benar atau tidak satu kawasan perumahan lain di kawasan Salak Selatan akan diberi kepada 150 hingga 200 keluarga-keluarga setinggan di Kampung Pakar dan dari kawasan-kawasan setinggan yang berhampiran di Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur iaitu mereka-mereka yang akan terlibat dengan projek pembinaan lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya. Jika benar, nyatakan:

(a) kedudukan kawasan penempatan semula itu;

(b) jumlah wang ganti rugi yang akan diberi kepada setiap keluarga setinggan yang terlibat dengan projek itu; dan

(c) samada pihak Kerajaan akan menimbangkan untuk membayar wang ganti rugi yang lebih atau dua kali ganda amaun yang dibayar kepada golongan setinggan-setinggan yang pertama terdiri daripada kira-kira 100 keluarga yang dikehendaki beralih ke suatu kawasan sementara berhampiran dengan kawasan yang mereka duduki sekarang sebelum mereka ditempatkan ke kawasan tetap kira-kira 6 bulan kemudian.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kawasan penempatan semula akan diberi kepada setinggan-setinggan yang berkenaan. Kawasan ini ialah di Lot No. 4175 di kawasan Salak Selatan yang akan melibatkan sebanyak 393 kelamin terdiri dari setinggan-setinggan. Kawasan ini seluas 68 ekar adalah berdekatan dengan jalan (access) yang dicadangkan kepada Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dan berdekatan dengan Jalan Sungei Besi.

(b) Jumlah wang ganti rugi yang akan dibayar kepada setiap rumah ialah \$500, dan setakat ini sebanyak \$200 telahpun dibayar untuk mereka mendirikan tempat-tempat tinggal sementara di tanah-tanah di luar kawasan tanah simpanan jalan yang berkenaan. Baki daripada ganti rugi itu yang \$300 lagi akan dibayar apabila mereka pindah ke kawasan penempatan yang ditetapkan kepada mereka iaitu Lot No. 4175 iaitu dalam masa 6 bulan lagi.

(c) Wang ganti rugi \$500 yang dibayar kepada setinggan-setinggan adalah sebagai bantuan belanja untuk merobohkan dan mendirikan semula rumah mereka sekarang di kawasan penempatan baru.

Bukan menjadi dasar Kerajaan untuk memberikan sagu hati sepenuhnya kepada setinggan-setinggan ini untuk mendirikan semula rumah-rumah mereka, oleh kerana pihak Kerajaan akan memberikan mereka tanah gantian dengan harga yang rendah. Oleh itu, Kerajaan tidak akan menimbangkan sebarang tambahan kepada jumlah bayaran sagu hati yang akan dibayar kepada setinggan-setinggan yang terlibat dalam pembinaan projek Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan setinggan-setinggan yang kena pindah akan dibayar gantirugi sebanyak \$500, \$200 untuk berpindah ke kawasan penempatan sementara dan \$300 untuk mereka berpindah ke kawasan penempatan yang baru. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar iaitu wang \$500 ini ialah untuk mendirikan rumah dua kali, satu kali untuk mereka pindah ke kawasan penempatan sementara dan sekali lagi untuk berpindah ke kawasan penempatan yang baru? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar gantirugi yang sebanyak \$500 itu langsung tidak mencukupi untuk mendirikan dua buah rumah?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wang \$200 itu untuk setinggan-setinggan yang hendak dipindahkan yang mana mereka mesti terlebih dahulu diberikan kemudahan asas (facility) yang cukup seperti bekalan air, letrik dan sebagainya. Dengan sebab itu, mereka tidak dapat terus ditempatkan ke kawasan penempatan yang baru, mereka ini dipindahkan ke tempat sementara dahulu dan bila kemudahan sudah siap barulah mereka pindah sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada dua golongan setinggan-setinggan yang terlibat dalam soal ini. Satu golongan yang terpaksa berpindah dua kali iaitu meroboh rumah mereka dua kali dan satu golongan yang berpindah satu kali. Adakah adil di mana setinggan-setinggan yang terpaksa berpindah dua kali merobohkan rumah mereka dua kali dengan mendapat gantirugi sama seperti mereka yang berpindah satu kali sahaja. Dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menambah bayaran kepada mereka yang terpaksa berpindah dua kali lebih daripada mereka yang perlu berpindah satu kali?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dikaji lagi.

**BANTUAN KEPADA PENDUDUK-
PENDUDUK KAMPUNG PAKAR,
JALAN SUNGEI BESI
KUALA LUMPUR**

14. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan tempatan dan Alam Sekitar

menyatakan samada pihak Kerajaan mempunyai sebarang rancangan konkrit bagi menguntukkan suatu kawasan lain untuk menempatkan pekebun-pekebun sayur, penternak-penternak ayam-itek dan babi juga tuanpunya bengkel-bengkel di Kampung Pakar off Jalan Sungei Besi, Kuala Lumpur apabila tanah yang mereka duduki sekarang terlibat dalam projek lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, dengan tujuan untuk membantu mereka meneruskan mata pencaharian mereka itu dan aktiviti-aktiviti segi ekonomi mereka yang sekarang.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, kawasan penempatan semula di Lot No. 4175 di kawasan Salak Selatan yang saya sebutkan tadi akan juga mempunyai kemudahan-kemudahan untuk membolehkan pekebun-pekebun sayur, penternak-penternak ayam, itek dan tuanpunya bengkel-bengkel di Kampung Pakar menguruskan mata pencaharian mereka dan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka yang mereka sekarang jalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perkara setinggan ini yang sebahagiannya terpaksa berpindah ke tapak yang sementara, mereka tidak dapat kemudahan-kemudahan yang asasi seperti air dan lain-lain. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan bahawa kemudahan-kemudahan asasi dan standard minima untuk menjaga kesihatan mereka diambil, termasuk orang-orang yang disebutkan dalam soalan ini juga dipindahkan ke tapak yang sementara.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya kepada soalan No. 13 telahpun saya jelaskan perkara ini.

**RACUN SODIUM ARSENITE—
KEMATIAN TERNAKAN**

15. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa memandangkan kepada kematian ternakan dengan begitu banyaknya kerana termakan racun sodium arsenite dan terbuhtinya akibat buruk kepada tanah dari semboran sodium arsenite dan juga memandangkan bahawa racun-racun lalang yang murah, keluaran tempatan boleh didapati dengan mudahnya seperti M.S.M.A. sodium

chlorate, gramaxone dan lain-lain yang tidak mempunyai akibat buruk jangka panjang atau tetap seperti sodium arsenite.

- (i) samada Menteri berkenaan akan melaksanakan larangan yang dicadangkan atas kegunaan sodium arsenite sebagai suatu cara menghapuskan lalang; dan
- (ii) samada beliau akan mendapatkan peruntukan yang mencukupi daripada Perbendaharaan atau daripada pembuat-pembuat sodium arsenite di Malaysia untuk membayar pampasan yang sepenuhnya kepada semua penternak-penternak yang ternakannya mati akibat racun sodium arsenite sehingga tarikh dikuatkuasakan larangan di atas kegunaan sodium arsenite itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Ya.
- (ii) Ya.

Daripada Perbendaharaan sebenarnya \$1.4 juta telah diluluskan untuk pembayaran pampasan kepada penternak-penternak yang ternakannya mati kerana termakan racun sodium arsenite. Jika peruntukan itu tidak mencukupi peruntukan tambahan akan diberi oleh Perbendaharaan.

BEKALAN AIR KE KAWASAN DESA JAYA/SELAYANG BAHRU

16. Tuan Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau akan memberikan pertimbangan untuk membekalkan lebih banyak air ke kawasan Desa Jaya dan Selayang Bahru, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan bekalan air yang tidak memuaskan pada masa ini yang menyusahkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bekalan air ke kawasan-kawasan Desa Jaya dan Selayang Bahru adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri Selangor. Bekalan air ke kawasan-kawasan tersebut adalah berpunca dari Loji Gombak di mana bekalan air mentahnya didapati dari Sungei Gombak dekat batu 12½. Oleh sebab

kerja-kerja pembangunan di kawasan tersebut, pada hari-hari hujan lebat, air Sungei Gombak menjadi keroh dan kekerohan ini mengakibatkan pengeluaran air di loji tersebut berkurangan ditaksirkan sebanyak ½ juta gelen sehari.

Walau bagaimanapun tindakan-tindakan telah diambil untuk memperbaiki proses pengeluaran air bersih di loji tersebut iaitu dengan menggunakan bahan-bahan kimia yang baru.

Di samping itu tindakan-tindakan untuk menambah bekalan air berpunca dari Loji Bukit Nanas, sedang diselenggarakan dengan memasang alat pelambungan Air (Booster pump) di Rumah Pam Segambut berhampiran Jalan Kuching. Kerja-kerjanya dijangka siap pada bulan Disember 1975

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah tersebut, bekalan air ke kawasan-kawasan tersebut akan dapat diperbaiki.

GADIS-GADIS TERJERUMUS KE LEMBAH PELACURAN

17. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan beliawanis yang pergi ke bandar mencari pekerjaan biasanya diumpun ke alam pelacuran. Jika ya, apakah langkah-langkah perlu yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempertahankan keruntuhan moral dan rohani di kalangan wanita terutamanya beliawanis kita.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui ada berlaku di sana sini gadis-gadis rumaja yang datang ke bandar mencari pekerjaan telah diheret ke lembah pelacuran. Tetapi tidaklah pula begitu tepat untuk dikatakan bahawa sebilangan besar gadis-gadis yang mencari kerja itu telah terjerumus ke lembah pelacuran.

Umumnya keruntuhan moral bukan sahaja berlaku di kalangan wanita bahkan juga di kalangan yang lain-lain dan ini mungkin disebabkan oleh perkembangan yang pesat di bandar-bandar yang besar, perindustrian-perindustrian, sains dan teknologi dan juga kerana pendedahan terhadap pengaruh kebudayaan yang mementingkan kebendaan. Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk memelihara kebudayaan dan

menggalakkan adab sopan seperti menitik-beratkan pelajaran agama di sekolah-sekolah, penapisan filem, larangan membawa masuk dan mencetak bahan-bahan bacaan lucah dan gambar-gambar lucah dan mengawal tempat-tempat hiburan yang tidak diingini dan mengadakan undang-undang perlindungan untuk wanita dan gadis.

Walau bagaimanapun pada pendapat saya, Kerajaan hanya dapat menyediakan alat-alat yang di'fikirkan boleh melindungi dan membentuk keperibadian yang mempunyai marwah dan tata susila, tapi tidaklah dapat mengawal sepenuhnya marwah tiap-tiap individu, malah adalah tanggungjawab individu itu sendiri untuk menjaga dan cuba menjauhkan diri dari perkara-perkara yang boleh meruntuhkan moral mengikut ukuran moral dan nilai-nilai yang dikehendaki oleh masyarakat kita.

PEGAWAI ATTACHE PELAJARAN DI NEW DELHI

18. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa Pegawai Attache Pelajaran Malaysia yang ditempatkan di New Delhi sebenarnya jauh dari pusat pelajar-pelajar, jika ya, mungkin pegawai ini ditempatkan di Madras di mana ada lebih dari 3,000 orang pelajar yang sedang belajar sekarang; dan
- (b) beliau akan menimbang peruntukan perjalanan kepada pegawai yang berkenaan ini supaya beliau dapat bertemu dengan penuntut-penuntut ini dengan mudah dan dapat pula menolong menyelesaikan apa-apa masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada seorang Attache Pelajaran yang telah dilantik oleh Kementerian Pelajaran dan ditempatkan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi. Di Madras ada suatu pejabat penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan suatu Pusat Pelajar-pelajar Malaysia yang telah disewa oleh Kementerian Pelajaran untuk kegunaan ahli-ahli persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Madras (All India Malaysia Students Association, Madras Branch) bagi mengadakan mesyuarat-mesyuarat, perjumpaan-per-

jumpaan dan majlis-majlis perayaan. Kementerian ini memberi suatu peruntukan untuk penyelenggaraan Pusat Pelajar-pelajar ini dan pentadbiran pusat ini dijalankan oleh Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia tersebut.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu samada Attache Pelajaran akan ditempatkan di Madras, saya suka maklumkan bahawa perkara ini telah ditimbulkan oleh Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Madras; tetapi permintaan itu bukan diperbuat dengan cara yang normal; tetapi dengan suatu tunjuk perasaan pada 23hb Disember, 1974 di hadapan Pejabat Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Madras dengan sepanduk-sepanduk, dan diketuai oleh Pengerusi dan beberapa orang pegawai Persatuan itu sendiri. Pegawai-pegawai itu dan peserta-peserta lain yang terlibat dalam demonstrasi itu telah menyatakan bahawa mereka mempunyai hak berdemonstrasi lebih daripada pelajar-pelajar di Malaysia. Ini bukan caranya bagi pelajar-pelajar Malaysia meminta sesuatu daripada Kerajaan mereka sendiri, samada mereka berada dalam Malaysia atau di luar Malaysia. Permintaan yang dibuat dengan demonstrasi mereka itu telah tidak dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, pimpinan Persatuan Pelajar Malaysia di Madras telah diambil-alah oleh pelajar-pelajar lain dalam tahun ini dan soal menempatkan Attache Pelajaran di bandar itu sekarang ini bolehlah dipertimbangkan.

Berkenaan soalan (b), saya suka menjelaskan bahawa Attache Pelajaran ini, sama seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, ada diberi peruntukan perjalanan oleh Kementerian Pelajaran untuk membolehkan beliau menemui pelajar-pelajar Malaysia yang berada di negara India. Kementerian berpendapat bahawa peruntukan ini mencukupi untuk tugas beliau.

GURU KERAJAAN MENGIKUTI KURSUS LUAR KAMPUS

19. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa guru-guru Kerajaan yang mengikuti pengajian luar kampus diberi cuti tidak bergaji tahun akhirnya, manakala pegawai Kerajaan yang lain diberi biasiswa. Jika sedar, nyatakan samada guru-guru dan pegawai dalam jabatan lain

itu tidak sama status dari segi peraturan dan undang-undang perkhidmatan sebagai pegawai Kerajaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/1974 semua guru Kerajaan yang mengikuti kursus luar kampus di tahun akhir adalah cuma diberi cuti tidak bergaji. Tetapi adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang lain yang juga mengambil Kursus Luar Kampus ini diberi biasiswa kerana mereka juga adalah tertakluk kepada Pekeliling yang sama. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dikaji semula dan Kerajaan telah memutuskan bahawa cuti belajar separuh gaji adalah diluluskan bagi guru-guru yang mengikuti kursus luar kampus di Universiti Sains Malaysia untuk tahun akhir kursus tersebut.

IJAZAH DOKTOR DARI INDIA

20. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa lebih dari 40 orang doktor yang mempunyai ijazah dari India masih menunggu pendaftaran mereka untuk diluluskan bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan;
- (b) samada beliau sedar bahawa walaupun kelulusan dari Majlis Perubatan telah didapati tetapi pendaftar menolak pendaftaran doktor-doktor rakyat Malaysia ini sebab mereka mendapat kelayakan-kelayakan mereka dari universiti-universiti yang tidak terkandung dalam jadual;
- (c) oleh kerana ada setengah-setengah doktor yang mempunyai ijazah-ijazah dari universiti-universiti yang tidak terkandung dalam jadual boleh ditawarkan jawatan-jawatan kontrek di bawah Seksyen 12 (b) dan 13 (3) Akta Perubatan maka mengapa doktor-doktor ini tidak boleh diberi layanan yang sama; dan
- (d) memandangkan kekurangan doktor-doktor di negara ini samada beliau boleh menggunakan kuasanya untuk menyerap doktor-doktor ini ke dalam perkhidmatan kemajuan supaya

mereka boleh berkhidmat bukan sahaja kepada orang-orang bandar tetapi juga orang-orang luar bandar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidaklah benar bahawa lebih daripada 40 orang doktor yang masih menunggu untuk didaftarkan. Saya percaya dan yakin maksud Ahli Yang Berhormat ialah doktor-doktor yang sedang menunggu jawatan sebagai doktor-doktor pelatih. Baru-baru ini terdapat 70 orang warganegara Malaysia yang sedang menunggu jawatan sebagai doktor-doktor pelatih. Di sini saya suka menyatakan bahawa jawatan-jawatan doktor pelatih sejumlah 280 di beberapa buah hospital di bawah Kementerian saya dan 40 jawatan di hospital Universiti telahpun diisi. Tindakan telahpun diambil untuk menambah sebanyak 83 lagi jawatan doktor pelatih di bawah Kementerian saya. Kelulusan pihak Universiti Malaya untuk menambah tempat latihan ini telah diperolehi dan mereka yang sedang menunggu akan ditempatkan setelah jawatan doktor pelatih tambahan ini diluluskan oleh agensi-agensi pusat Kerajaan.
- (b) Soalan itu tidak berbangkit oleh kerana semua doktor yang mendapat kelulusan yang tidak memasuki di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 yang telah memohon untuk didaftarkan telahpun didaftarkan kecuali 5 orang sahaja pada hari ini yang telah lulus dari sekolah-sekolah perubatan yang tarafnya belum lagi ditentukan oleh Majlis Perubatan.
- (c) (i) Doktor-doktor yang diambil dari luar negeri yang kelulusannya tidak termasuk di dalam Jadual Kedua adalah diberi pendaftaran sementara di bawah Seksyen 14 (3) Akta tersebut. Pendaftaran sementara ini memerlukan mereka perkhidmatan dengan ujian sahaja. Doktor-doktor kontrek dari luar negeri adalah doktor-doktor yang telah mempunyai beberapa tahun pengalaman di dalam berbagai disiplin perubatan tidak seperti warganegara Malaysia yang telah kembali dari

luar negeri sebaik sahaja lulus dari sekolah-sekolah perubatan. Oleh itu, tidaklah mungkin disamakan siswazah-siswazah Malaysia ini dengan doktor-doktor konterek dan diberikan pendaftaran sementara pada mereka di bawah Seksyen 14 (3).

- (ii) Dalam pada itu ada doktor-doktor warganegara yang mempunyai kelulusan yang tidak termasuk di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan yang telah didaftarkan di bawah Seksyen 12 (1) (a) (ii) Akta tersebut mereka ini ialah dari universiti-universiti yang sungguhpun belum sampai meningkat taraf universiti-universiti yang termasuk di dalam Jadual Kedua tetapi pencapaian taraf telah memuaskan bagi diberi periktirafan setakat pendaftaran sementara di bawah Seksyen 12 (1) (a) (ii) untuk diberi pendaftaran sementara.

- (d) Sungguhpun diakui bahawa terdapat kekurangan doktor-doktor di negara ini seperti juga di negara-negara lain tetapi tidaklah difikirkan wajar didaftarkan semua doktor tanpa menentukan taraf pelajaran perubatan yang mereka telah perolehi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga No. 26 adalah diberi di bawah ini).

SURUHANJAYA TAN SRI IBRAHIM ALI

21. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa di dalam Jawatankuasa Tan Sri Ibrahim Ali tidak ada seorang pun dilantik dari Angkatan Tentera dan Polis untuk mewakili kakitangan Angkatan Tentera dan Polis akibatnya terdapat perbezaan di antara sekim gaji kakitangan Angkatan Tentera dan Polis dengan kakitangan awam yang lain yang setaraf dengan mereka.

Perdana Menteri: Sebagai sebuah Suruhanjaya yang mempunyai tugas-tugas yang luas yang meliputi semua cawangan Perkhidmatan

Awam termasuk Angkatan Tentera dan Polis, maka Suruhanjaya dalam menjalankan tugas-tugasnya adalah sentiasa mendapat nasihat daripada Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab atas hal-hal perkhidmatan termasuk perkhidmatan Angkatan Tentera dan Polis. Oleh itu, tidaklah perlu bagi Suruhanjaya itu mempunyai wakil dari pihak Tentera dan Polis.

Bagaimanapun, pihak Tentera dan Polis memanglah diberi peluang mengkaji syursyur Suruhanjaya itu sebelum mereka merimanya.

Laporan Suruhanjaya yang muktamad bagaimanapun belum lagi diterima oleh Kerajaan dan tidaklah dapat dinyatakan samada terdapat perbezaan di antara sekim gaji Angkatan Tentera dan Polis dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan Awam yang lain.

RUKUN TETANGGA

22. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah "Rukun Tetangga" telah mendapat kesan secara berfaedah dan samada beliau akan meluaskan pelaksanaannya terutama kepada sektor swasta supaya dapat Kerajaan menentang komunis dan anasir-anasir subversif di negara ini.

Perdana Menteri: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kawasan yang telah menubuhkan Rancangan Rukun Tetangga dan diisytiharkan telah mendapat kesan yang sangat berfaedah dan efektif kepada penduduk di kawasan itu terutama dari segi keselamatan. Kejadian jenayah terutamanya kes-kes kecurian telah berkurangan malah tidak terdapat lagi dalam kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan Rukun Tetangga itu.

Rancangan Rukun Tetangga adalah dilaksanakan untuk melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Tetapi pada permulaannya pelaksanaan rancangan tersebut akan dilakukan berperingkat-peringkat dan ditumpukan khasnya kepada kawasan-kawasan yang mempunyai masalah keselamatan terutama di kawasan bandar. Suka saya nyatakan di sini bahawa tiada sesuatu kawasan pun yang akan dikecualikan dalam rancangan Rukun Tetangga ini apabila ianya bergerak sepenuhnya.

DATUK HARUN BIN IDRIS— SIASATAN

23. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada siasatan terhadap Datuk Harun bin Idris telah selesai; jika sudah, samada beliau akan memberi laporan tentang perkara tersebut kepada Dewan ini.

Perdana Menteri: Siasatan masih berjalan dan belum selesai.

SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI

24. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sebab-sebab mengapa Lapuran asal Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali dirujuk balik kepada Suruhanjaya tersebut untuk menyediakan suatu lapuran yang disemak semula (revised report) dan garis-garis panduan yang ditetapkan untuk penyemakan tersebut;
- (ii) perbezaan di antara Lapuran asal Suruhanjaya Ibrahim Ali dan Lapuran yang disemak semula Suruhanjaya tersebut;
- (iii) perakuan-perakuan besar Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali dan jumlah wang yang dianggarkan akan dikehendaki oleh Kerajaan dalam perlaksanaan setiap perakuan itu;
- (iv) perakuan-perakuan yang telah diterima oleh Kerajaan dan tarikh implementasinya; dan
- (v) perakuan-perakuan yang telah ditolak oleh Kerajaan dengan memberi sebab-sebab.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telah menyediakan Lapuran seperti yang ditugaskan, dan Kerajaan mempunyai kuasa samada hendak menerima atau tidak Lapuran tersebut. Tetapi Kerajaan telahpun meminta supaya Lapuran itu dikaji semula dan selepas itu diberi peluang kepada pihak pekerja untuk membuat ulasan mereka terhadap Lapuran tersebut. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pegawai untuk meneliti Lapuran itu dan semua ulasan-ulasan akan dikemukakan semula kepada Suruhanjaya itu. Setakat ini Kerajaan tidaklah ada menerima atau menolak sebarang perakuan daripada

Suruhanjaya itu dan tidak diketahui akan kelibatan kewangan yang sebenarnya mengenai perakuan-perakuan Suruhanjaya itu kerana ianya belum lagi dikemukakan semula untuk pertimbangan Kerajaan.

TUGU PERINGATAN NEGARA— TABUNG DERMA PEMULIHAN

25. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang diterima untuk Tabung Derma Pemulihan Tugu Peringatan Negara setakat ini; jumlah yang dikehendaki untuk memperbaiki Tugu Peringatan tersebut dan bilakah kerja-kerja pemulihan tersebut akan bermula dan dijangka siap.

Perdana Menteri: Jumlah wang yang diterima untuk Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara setakat ini ialah \$210,601.09. Matlamat Tabung tersebut ialah sekurang-kurangnya \$1 juta.

Pada masa ini saya tidak dapat menyatakan dalam Dewan ini mengenai bila kerja-kerja pemulihan Tugu tersebut akan bermula dan siap kerana Jawatankuasa Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara itu sedang mengkaji dengan teliti kemungkinan mendapatkan tenaga mahir atau pakar-pakar di negara ini untuk memperbaiki kerosakan Tugu tersebut.

BANGUNAN PARLIMEN KAWASAN LARANGAN

26. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Bangunan Parlimen patut dikawal dengan rapi, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau telah ambil mengenai perkara ini.

Perdana Menteri: Bangunan Parlimen adalah sebuah bangunan negara yang penting dan oleh yang demikian menjadi tanggungjawab Kerajaan mengawal dengan rapi bangunan tersebut.

Kawasan Parlimen adalah dikawal siang dan malam oleh pasukan Polis.

Motokar-motokar dan lain-lain kenderaan tidak lagi dibenarkan melalui atau menggunakan jalan berhampiran dengan Bangunan Parlimen sebagai jalan sengkat (short cut)

dan di tempat sekatan Polis di hadapan Bangunan Parlimen semua kenderaan adalah dipereksa terlebih dahulu sebelum dibenar masuk atau keluar kawasan Parlimen.

Dalam Bangunan Parlimen pula peraturan-peraturan keselamatan yang sudah pun dikenakan selama ini sekarang ini diperketatkan lagi. Semua pelawat-pelawat dikehendaki mendapatkan pas sebelum dibenarkan masuk ke dalam Bangunan.

Kawasan Parlimen akan diwartakan sebagai kawasan larangan apabila pagar keselamatan siap dibena disekeliling Bangunan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG EKS AIS

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang mengenai eksais dalam Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG WANG YANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Wang Yang Tak Dituntut, 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG

AKTA PELAJARAN 1961— MEMBATALKAN FASAL 21 (2)

3.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1), saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1), memberi keizinan kepada Ahli bagi Kota Melaka untuk mengemukakan suatu Rang Undang-undang daripada Ahli bukan Ahli Kera-

jaan (Private Member's Bill) yang bertajuk Akta Pelajaran (Pindaan), 1975 yang bertujuan untuk membatalkan Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran, 1961 yang memberi kuasa budibicara kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan pindaan ini juga akan menjadi satu jaminan konkrit Kerajaan supaya sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil tidak akan ditukar kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang bertentangan dengan kehendak-kehendak ibubapa murid-murid sekolah-sekolah yang terlibat itu dan untuk memberi penghargaan dan makna kepada jaminan Perlembagaan Persekutuan seperti yang terkandung dalam Perkara 152 (i) (a) dan (b).

Tuan Yang di-Pertua, dalam usul ini melibatkan satu perkara yang sangat penting dan pokok di negara kita dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris dalam ucapan saya. Usul ini saya kata tadi untuk meminta keizinan memperkenalkan satu Private Member's Bill untuk membatalkan Clause 21 (2) Education Act, 1961 yang berbunyi:

"21 (2) Where at any time the Minister is satisfied that a National-type primary school may suitably be converted into a National primary school, he may by order direct that the school shall become a National primary school."

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Government has been too equivocal on the future of Chinese and Tamil primary schools for too long. This is a subject which concerns not only the immediate question of the survival of Chinese and Tamil primary schools but, more important, goes to the basic issue of national unity and Malaysian nation-building.

At this juncture, when Malaysia is at the cross-roads of her destiny with the intensifying jungle guerrilla warfare accompanied by the new and mounting urban guerilla activities, Parliament must make a bold, far-sighted and wide-ranging review of the whole spectrum of nation-building policies in the country. The mounting guerrilla warfare both in the jungles and in the towns cannot be defeated by bullets alone. It is

fundamentally a battle for the hearts and minds of the people and can only be won by Government acceptance and implementation of policies which secure the endorsement of the overwhelming majority of Malaysians.

Parliament is the most competent body to initiate such reviews, and it is in this context that I am moving this Motion to apply for leave to introduce a Private Member's Bill to repeal Clause 21 (2) of the 1961 Education Act, for such a repeal will make a definitive contribution to the promotion of national unity and the building of a united Malaysian nation to better withstand both internal stress and strain.

The right of a Malaysian to study in a school of his or her mother tongue or in a language of his or her choice is enshrined in Article 152 (1) of the Malaysian Constitution which stipulates that, and I quote with your permission, Sir:

“(1) The National language shall be the Malay language and shall be in such script as Parliament may by law provide:

Provided that—

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language; and
- (b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation.”

Thus, Article 152 (1) of the Malaysian Constitution provides for the preservation and sustenance of the “use” and “study” of the other languages in the country, which means not merely the study and sustenance of Chinese and Tamil as a subject, but the preservation and sustenance of their use which includes their use as media of instruction in the Chinese and Tamil primary schools.

A Malaysian Chinese or Tamil education, therefore, is fully consistent with the Malaysian Constitution and in line with the multi-racial, multi-cultural, multi-lingual characteristics of our beloved nation. It is a fully legitimate aspiration for parents to want to send their children to Chinese or Tamil

schools, so long as these Chinese and Tamil schools are Malaysian-centred and Bahasa Malaysia taught as a compulsory language.

Just as nobody questions the loyalty of a Malaysian because he does not belong to the official religion, Islam, similarly, nobody should question the loyalty of a Malaysian who is the product of a Chinese or a Tamil school. Unfortunately, there are extremists who want to have all Chinese and Tamil schools closed down and who regard those who go to Chinese or Tamil schools or send their children to these schools as disloyal and anti-national. In fact, it was only in the last session of Parliament that a Barisan Nasional Member of Parliament openly attacked the loyalty of Malaysian Chinese who sent their children to Chinese schools.

Such an anti-national political school of thought—for those who harbour these ideas are the real anti-national elements who seek to keep Malaysia more divided and dis-united—the record of the Government on Chinese and Tamil Education these past years and the existence of Clause 21 (2) of the Education Act, 1961 which permit the Education Minister with a stroke of the pen to convert Chinese and Tamil primary schools into national primary schools, all contribute and result in the widespread national apprehension and anxiety about the future of Chinese and Tamil primary schools.

When I spoke in this House on 10th January, 1972 about the fears and apprehensions of the Chinese community about the continued existence of Chinese primary schools, the then Minister of Education did not give a categorical assurance that the Government would not convert Chinese and Tamil primary schools into national primary schools. Instead, we were told that this was a question which would have to be decided in two or three years' time.

On 16th July, 1973, my former parliamentary colleague, the then Member of Parliament for Seremban Barat, asked the Education Minister whether the Government had any plans to convert National-type primary schools into National primary schools with the approach of 1975, and the reply from the then Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, Tuan Mohamed

bin Rahmat was, "Kerajaan belum lagi memutuskan perkara ini." The significance in the reply is that the Government did not make an unqualified, categorical denial that the Government had any intention to exercise the powers vested in the Education Minister in Clause 21 (2) of the Education Act, 1961 but that the Government had not decided on the matter yet.

It was following persistent pressure inside the Chamber and nation-wide pressure outside this House by educational organisations, associations and clans, together with the approach of the 1974 General Elections, that the Government modified its public position little by little.

At first, an assurance was given that it was not the intention of the Government to convert the Chinese primary schools by 1975. As I said in this House during the debate on the Royal Address on 16th April, 1974, "The people at large do not want Chinese and Tamil primary schools only to be allowed to exist until 1975, which means (at that time) merely for the next 21 months or for another 720 days, and see the Chinese and Tamil primary schools become a historic memory. The people of Malaysia have a right to expect that Chinese and Tamil primary schools should be allowed to exist not merely for another 720 days, but to grow and expand for as long as Malaysians want their children to be educated through the medium of their mother-tongue."

It was only after that the Government further modified its position and stated that the Government has no intention to close the Chinese and Tamil primary schools. The omission here is equally conspicuous, for the Chinese and Tamil primary schools can remain open while their character is converted. The record of the Education Ministry in its treatment of Chinese and Tamil primary schools only fortifies the nation-wide apprehensions of the intention of the Government to convert the character of Chinese and Tamil primary schools into national primary schools.

I will give some instances:

(1) Although there has been a phenomenal increase in enrolment for Chinese primary schools year by year, there has been no corresponding increase in the building of new classrooms and new Chinese primary schools.

Petaling Jaya is a good example. There is only one Chinese Primary School, the Chin Woo Primary School, and the Ministry of Education has steadfastly and unreasonably refused to build more Chinese primary schools to meet the increased demands of the school-going children in Petaling Jaya who have enrolled for the Chinese primary schools. As a result, many of them had to be sent to schools far away from their homes, some to Kuala Lumpur and others to Sungai Way New Village, far away from their homes, in crowded classes, imposing a heavy social and financial strain on their parents.

In the four years from 1970 to 1973, four new Chinese primary schools were built in Peninsular Malaysia, but in the very same period 10 Chinese primary schools were closed down. This means that from 1970 to 1973 there was a net reduction of six Chinese primary schools, when the enrolment had been breaking record figures year after year.

(2) The Government's neglect and indifference to the development and maintenance needs of Chinese primary schools.

Chinese primary schools find that requests for school repair, for breakage of window panes, repair of roof leakage, and the normal wear and tear of school buildings, are often ignored. Recently the Deputy Minister of Education, who is also the M.C.A. Youth Leader, and the M.C.A. Secretary-General, have been going round the country to say that due to M.C.A. efforts they have succeeded in getting \$3 million for Chinese primary schools. Actually, this is a laughably meagre sum when we consider that there are some 1,000 Chinese primary schools in Peninsular Malaysia. What can a school do with \$3,000 in these inflationary times? In many schools, this sum would not be enough to meet the normal repair and maintenance, let alone physical development and expansion of educational facilities to keep abreast with the greatly increased needs and demands. I would want to know, for instance, whether the Minister of Education or the Deputy Minister would be prepared to give us a comparative breakdown of the development funds that the Ministry of Education has allocated to the different media-stream schools in the country, the total number of schools in each media-stream of education and the total number of students, so that the

country can have a correct picture of the Government's treatment of the different media schools in the country.

(3) *Shortage of teachers for Chinese primary schools.*

There is an acute shortage of trained teachers for Chinese Primary Schools which seriously undermine the whole question of future supply of qualified teachers for Chinese primary schools and the maintenance of proper academic standards for Chinese primary school students. Although the question of trained teacher shortage affect all media-stream schools, a look at the following statistics would show that with regard to Chinese and Tamil primary schools, the Government had deliberately allowed it to deteriorate.

The following are the figures of trained teacher shortage from 1968 to 1973 for the different media primary schools:

	1968	1973
National Primary Schools	1,095 increased to	1,630
English Primary Schools	179 increased to	269
Chinese Primary Schools	1,172 increased to	3,504
Tamil Primary Schools	568 increased to	581

Thus, the shortage of trained teachers for Chinese primary schools had been allowed to deteriorate from 1,172 to 3,504, an increase of some 300 per cent. This is even more vividly shown by the figures of those who were trained in the different teacher-training colleges from 1968 to 1972.

Teachers trained in the different teacher-training colleges from 1968-1972

National primary schools	...	3,861
English media schools	...	848
Chinese media schools	...	209
Tamil media schools	...	134

Thus, although the Chinese primary schools suffer the most acute trained teacher shortage, there is a negligible training programme for trained teachers for Chinese primary schools.

(4) *Training of teachers not competent to teach in Chinese primary schools.*

The qualifications of teacher-trainees is a source of grave concern about the future character of Chinese and Tamil primary schools. Thus, for Chinese school teacher-trainees, the qualifications are not Senior Middle Three, but M.C.E. or S.P.M. with a

credit in Chinese subject. Most of these trainees completed their primary schooling in Chinese primary schools and switched to national-type secondary school taking Chinese as a subject. Their command of Chinese is not strong enough to enable them to teach the various subjects in the Chinese media in Chinese primary schools, especially as the standard of marking the Chinese paper in the S.P.M. Chinese subject appeared to be progressively lowered in recent years. Principals complain that many of such trained teachers could not write proper Chinese, their Chinese-character writing is very poor and they are generally not qualified or competent to teach in Chinese. The net result must be a progressive deterioration of the standard of Chinese and other subjects in the Chinese primary schools.

(5) *Teacher-training in Bahasa Malaysia.*

Teacher-training, including the training of temporary teachers, are conducted in Bahasa Malaysia, with the exception of Chinese Language and Chinese Literature. A teacher trained in Bahasa Malaysia but required to teach in Chinese cannot clearly fully use his educational training to full effect. In-service training courses are also conducted in Bahasa Malaysia, whether in health science, modern mathematics or integrated science. These teachers are taught new educational theories or techniques in Bahasa Malaysia, and clearly the effect of these new educational ideas and theories in Chinese primary schools in Chinese media will be limited. This means that the Chinese primary schools will be the victims, and their students will fall further and further behind in new subjects, like modern mathematics and integrated science which is already causing considerable havoc in the national-type secondary and primary schools.

(6) *Deterioration of standards of Chinese and Tamil Primary Schools.*

This is one reason why there has been a deterioration in the standards of Chinese primary schools and Tamil primary schools. Another reason for the failing educational standards of the Chinese and Tamil primary schools is the "examination trap" they are in. On the one hand, the Chinese and Tamil primary school students are required to reach the same standards in Bahasa Malaysia as their counterparts in National primary

schools. This is shown by the fact that the same Bahasa Malaysia paper is set for Chinese and Tamil primary school students for the Standard III and Standard V Assessment Examination as for National primary school students, although the Chinese and Tamil primary schools devote 180 minutes a week to Bahasa Malaysia while national primary schools devote 420 minutes per week to Bahasa Malaysia.

This is why in the Standard V Assessment Examination in 1972, the national percentage of failures in Bahasa Malaysia subject for Chinese primary schools is as high as 78.4% and for Tamil primary schools the national percentage of failures reached 81.6%.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada beberapa perkara yang sebahagian daripada percakapan Ahli Yang Berhormat tadi terkeluar daripada cadangan usul, cuba tunjukkan mengapa hendak dipinda Akta Pelajaran, 1961 yang hendak membatalkan Fasal 21 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi ada bersangkutan-paut dengan usul saya oleh kerana saya hendak memberi sebab-sebab atau latar-belakang kenapa Dewan ini mustahak untuk memberi keizinan mengemukakan satu Private Member's Bill meminda atau membatalkan Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran, 1961, sebab-sebab mengapa perkara ini sangat mustahak dan untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen faham latar-belakang dan keadaan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, itu betul. Tetapi kalau hendak dikaitkan, semuanya ada hubungan, hingga pelajaran universiti pun ada hubungan dengan sekolah rendah.

Tuan Lim Kit Siang: Percakapan saya tadi terhad mengenai pelajaran rendah dan mengenai kuasa budibicara Menteri sahaja dan saya tidak akan sentuh mengenai pelajaran-pelajaran tinggi atau universiti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidaklah, tetapi saya katakan kalau ada kaitan, pelajaran universiti pun ada kaitan dengan sekolah rendah. Jadi tak boleh dikaitkan semua sekali dalam satu cadangan itu. Cuba tumpukan kepada satu masalah yang di

hadapan cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu hendak meminda bagi membatalkan Fasal 21 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Mr Speaker, Sir, as I explained just now, the "examination trap" which the Chinese and Tamil Primary Schools face as a result of the requirements set by the Education Ministry makes it very difficult for them to catch up with the Malay standards and the only way to do so is to devote more minutes per week for Bahasa Malaysia which would mean a reduction of teaching time in Chinese and Tamil media and the consequent alteration of the character of both Chinese and Tamil primary schools as is directly concerned from Clause 21 (2) of the 1961 Education Act with regard to the discretionary power of the Minister of Education to convert Chinese and Tamil primary schools into National primary schools.

(7) *Posting of teachers not versed in Chinese.*

Another reason is the sending of teachers not versed in Chinese to teach music and singing in Bahasa Malaysia. The Education Ministry is now posting teachers not versed in Chinese to Chinese primary schools to teach music and singing from Standard I to Standard IV.

Chinese primary school students taught by these teachers do not know how to sing Chinese songs written by Malaysian Chinese about Malaysian themes. This is regarded as the thin end of the wedge to change the character of the Chinese primary schools subtly. Why can't the Education Ministry be sensitive to the multi-racial character of Malaysia and send teachers who could teach the Chinese primary students to sing not only Bahasa Malaysia songs but also Chinese songs as well?

(8) The posting of clerks not versed in Chinese to Chinese schools has also led to a consequent alteration in the character of the Chinese primary schools.

(9) *Lack of Educational Television Programmes in Chinese and Tamil.*

Finally, the refusal of the Government to conduct educational Television programmes in Chinese and Tamil illustrates the attitude of the Government with regard to Chinese

and Tamil primary schools in treating them as not fully in the mainstream or permanent scheme of things of Malaysian educational system.

Tuan Yang di-Pertua, the above nine sets of factors are among the causes which have deepened public apprehensions about the real intent of the Government with regard to the future of Chinese and Tamil primary schools.

The Government has said that Clause (2) of the Education Act, 1961 is aimed at converting English primary schools into national primary schools, and is not meant to affect Chinese and Tamil primary schools. If this is the case, then Clause 21 (2) has become totally redundant, as English primary schools have become completely national primary schools and ceased to exist with effect from this year.

The Government should, therefore, have no reason to oppose this Motion to initiate the repealing of Clause 21(2) of the 1961 Educational Act, especially as it could remove an outstanding cause of national disunity and dissension in the country.

The Government has claimed that it believes in democracy, in the people's expressed wish. The increase in enrolment in Chinese primary schools, for instance, is a clear-cut expression and manifestation of the people's wish and desire to send their children to Chinese primary schools, and the Government should duly respect and honour this popular will by allowing the free and full growth and development of Chinese primary schools without effecting any changes to its character either openly by the use of Clause 21 (2) powers or subtly and quietly by a combination of administrative decisions and actions.

The M.C.A. Leaders have been going round the country saying that they are a new breed of men, different from the old set, implying that their predecessors are spineless and time-servers. Let every M.C.A. Member of Parliament and Minister, therefore, prove his worth. Let every Member of Parliament prove that he or she could rise above the petty politicking and slogan-chanting to discern the fundamental issues which would weld the nation more enduringly as a united nation, and boldly lay a sound basis for genuine nation-building.

Let me conclude by stressing that Malaysia is a multi-racial, multi-lingual and multi-cultural nation and Chinese and Tamil primary schools must be accepted as an integral part of the Malaysian education system and not something aimed to be eliminated and abolished at a most convenient time. The preservation of Chinese and Tamil primary schools is not a sectional or communal issue, but a national issue deserving the commitment of every patriotic Malaysian. I, therefore, urge all M.Ps to rise to the occasion and to strike out a new path for the nation which would remove a sizeable segment of public alienation and antagonism retarding national unity by supporting this Motion.

4.06 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dengan sepenuhnya cadangan yang dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Melaka untuk membincangkan Rang Undang-undang yang dibangkitkan oleh beliau untuk membatalkan Akta Pelajaran, 1961 Fasal 21 (2).

Oleh sebab cadangan beliau adalah satu langkah yang tegas dan sesuai, tidak syak lagi Rang Undang-undang Meminda Akta Pelajaran ini mewakili lebih 50% kemahuan rakyat Malaysia. Sekiranya Kerajaan masih menganggap adanya demokrasi ia mesti membenarkan Wakil Rakyat membincangkan dan meluluskan Rang Undang-undang ini. Sungguhpun pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Menteri-menteri atau Timbalan Menteri dari M.C.A. dan GERAKAN yang menyebut diri sendiri mewakili rakyat Malaysia berketurunan China telah membuat jaminan bahawa Kerajaan tidak akan memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China ke Sekolah Kebangsaan tetapi di bawah Akta Pelajaran, 1961 Fasal 21 (2) telah jelas sekali menunjukkan bahawa Menteri Pelajaran mempunyai hak memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ke Sekolah Rendah Kebangsaan pada bila-bila masa yang sesuai di bawah keadaan ini, jaminan adakah guna, adakah kuasa. Semangat Menteri M.I.C. untuk menjaga perkembangan bahasa ibunda mereka lebih buruk daripada Menteri-menteri M.C.A. dan GERAKAN. Saya tidak sedar samada mereka ada satu

minat yang betul-betul menitikberatkan pelajaran Tamil. Akta Pelajaran, 1961 Fasal 21 (2) adalah satu hukuman mati terhadap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Jaminan Menteri hanya menangguhkan hukuman mati itu ke tali lain untuk menghukum sahaja, akhirnya akan mati, rakyat tak usah gembira

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang mati dan apa yang hidup? (*Ketawa*).

Tuan Chian Heng Kai: Rakyat tak usah gembira atas jaminan manis itu dan ditipu oleh M.C.A. dan GERAKAN. Barangkali esok atau lusa sekiranya hukuman itu dikuatkuasakan jaminan ini akan lenyap mengikut tiupan angin.

Rang Undang-undang daripada D.A.P. ini adalah untuk mencari harapan baru membetulkan hukuman yang tercatat terhadap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil dan membatalkan hukuman itu untuk mencari nafas baru kepada orang yang hampir mati seperti cacing kepanasan. Saya percaya Wakil Rakyat parti pemerintah akan berkata parti yang mewakili rakyat China—M.C.A. dan GERAKAN dan parti yang mewakili rakyat India—M.I.C. telah menyokong dan bersetuju Akta Pelajaran, 1961 ini Akta yang dikemukakan oleh D.A.P. ini tidaklah mewakili rakyat yang lebih 50%. Tuan Yang di-Pertua, inilah pokok masalaah. Tuan yakinkah Wakil Rakyat M.C.A. dan GERAKAN boleh mewakili orang China dan M.I.C. mewakili orang India? Tuan tahukah bagaimana.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tidak akan membenarkan diteruskan ucapan ini, kerana ini melanggar Peraturan Majlis Mesyuarat 36 (10), iaitu menggunakan perkataan-perkataan yang membangkitkan salah faham perkauman.

Tuan Chian Heng Kai: Ya, terima kasih. Selain daripada itu, saya percaya Wakil Rakyat Barisan Nasional akan berkata Kerajaan menggunakan dasar pelajaran sekarang iaitu menggunakan bahasa Melayu dijadikan bahasa tunggal dan bahasa pengantar di semua jenis sekolah sebagai alat untuk menyatu-padukan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang dengan kerasnya atas percakapan itu.

Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional menjalankan dasar pelajaran itu bukan sahaja tidak mencapai apa-apa kejayaan, tetapi memecahkan perpaduan antara kaum. Keadaan yang malang sekarang ini adalah ciptaan dasar pelajaran ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mencabar Kerajaan Barisan Nasional berasaskan cara demokrasi menerima membincangkan Rang Undang-undang ini. Saya juga mencabar semua parti-parti di dalam Barisan Nasional membenarkan Ahli-ahli Parlimen parti mereka mengesyorkan pendapat-pendapat mereka terhadap Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini khasnya untuk mengkaji pemimpin-pemimpin M.C.A. dan GERAKAN samada mereka mempertahankan pelajaran China atau segolongan penipu di luar Parlimen sahaja. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Usul yang telah dicadangkan ini telah disokong, apakah Menteri hendak menjawab.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya, adakah Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada semua anggota di dalam Dewan ini bercakap?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, kalau hendak bercakap. Adakah Yang Berhormat hendak bercakap? Bolehlah bercakap sekarang, tetapi pendek.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua atas usul yang dikemukakan oleh Wakil dari Kota Melaka, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pelajaran di dalam tanahair kita tujuan atau dasar Kerajaan ialah semua sekolah-sekolah yang dahulunya dikatakan National Type English School akan ditukarkan kepada National School atas bahasa pengantarnya ialah Bahasa Malaysia. Perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, memang saya dan parti saya bersetuju. Saya hendak menarik perhatian, bukan sahaja kepada Menteri Pelajaran tetapi kepada orang ramai di tanahair kita iaitu pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang taraf Bahasa Malaysia di tanahair kita, khasnya di sekolah rendah

mahupun di sekolah menengah, di peringkat H.S.C. dan Universiti-universiti kita boleh dikatakan terus naik tinggi, tetapi malangnya taraf bahasa lain, umpamanya, bahasa Inggeris boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris "nose-dive". Itulah jadi masalah kepada Kementerian Pelajaran, khasnya kepada Menteri Pelajaran sendiri, oleh sebab saya ada baca dalam suratkhbar dan saya ada dengar beliau mengatakan bahasa Inggeris pun perlu dan terpaksa diperhatikan oleh semua murid-murid di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya perlu Kerajaan membela sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris dan Tamil oleh sebab pada masa sekarang kita ada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tumpukan perbincangan kepada Usul ini.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bercakap sedikit tentang sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil seperti yang disebutkan di dalam Usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, tetapi terus mempertahankan sekolah bahasa Inggeris, bahasa Tamil, mana ada di dalam Usul tersebut?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, usul itu berbunyi:

" yang memberi kuasa budi-bicara kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan"

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menyatakan perlu Kerajaan kita membela sekolah rendah China dan Tamil. Oleh sebab kalau seseorang pergi ke sekolah China atau Tamil apabila beliau lulus Tingkatan V beliau telah fasih di dalam bahasa China, bahasa Malaysia dan bahasa Tamil, dan itu adalah dikehendaki oleh Kerajaan juga. Seseorang yang boleh bertutur di dalam tiga bahasa boleh menjadi seorang pekerja yang lebih baik di mana-mana golongan pelajarannya. Oleh sebab itu, diharap janganlah Kerajaan hendak menukar, dan pada pendapat saya, saya percaya Kerajaan tidak akan menukar sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil kepada sekolah kebangsaan yang mana Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I do know that this is a very sensitive subject and it is not my intention to fan the embers of communalism in this country, but I do hope—and I know the Government is aware of it—that it is in the interest of the Government to give instruction in Chinese and in Tamil at primary school level. More than that—and this is a long range objective that I would want to pose to the Minister of Education—I would say that as the standard of Bahasa Malaysia rises, as indeed it has risen and if you look at the list of passes in Bahasa Malaysia you will find that there is less outcry, and it is so because the standard is rising all the time and it is rising very fast; as such, we should not be shouting, "Utamakanlah Bahasa Malaysia! Gunakanlah Bahasa Malaysia!" For example, the students in Standard VI now started Standard I in 1970 in Bahasa Malaysia all the way through and they have studied Bahasa Malaysia as the medium of instruction. They have also studied bahasa Inggeris, but, unfortunately, the standard of bahasa Inggeris has fallen and this is one of the big problems of the Minister of Education. If they want to, I hope they will be given adequate facilities to study bahasa Tionghua or bahasa China as well.

The standard of Bahasa Malaysia is increasing all the time and I hope that within a decade or so it should no longer become a problem at all, because everybody who comes out from the school system, who comes out from the universities will be proficient in Bahasa Malaysia and it should not be a subject of controversy at all. What then the Government should do would be to try and stem the nose-diving of bahasa Inggeris in particular. I am glad that the Minister of Education now has openly stated that bahasa Inggeris is no longer only the language of the departed colonial power, but that bahasa Inggeris is an international language. As such, it is in the interest of all of us in this country to have a good knowledge of it if we want to make good in the sciences and in commerce and industry. Therefore, in time to come, I hope the Ministry of Education would have a slight change in the emphasis of the medium of instruction; in other words, if you want to maintain the standard of bahasa Inggeris, then the best way would be

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please confine your speech to this motion. The debate is not on bahasa Inggeris.

Dr Tan Chee Khoon: Yes, I shall end up in two, three sentences more.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Short sentences—your sentences have no comma!

Dr Tan Chee Khoon: I hope that the Minister of Education would, perhaps 10 years or 15 years from now, find a place for instruction in bahasa Inggeris because that would be the best way of learning any language, and, if possible, also instruction in Bahasa Tamil and Bahasa China as well. To achieve that, one must have the learning of these languages, namely Chinese and Tamil, at the lowest level, i.e. at the primary school level. Thank you.

4.20 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya telah kaji dengan mendalam usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebelum saya menjawab terhadap pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, izinkanlah saya menerangkan sedikit latar-belakang yang ada kaitannya dengan usul ini, khasnya dakwaan bahawa usul ini akan memberi penghargaan dan makna kepada jaminan Perlembagaan Persekutuan. Apa yang kita dapat mentafsir daripada perkataan-perkataan ini ialah sehingga usul ini diterima maka Perlembagaan Persekutuan tidak memberi makna dan tidak diberi penghargaan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita ini merdeka 18 tahun dahulu, pemerintahan negara ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan yang dipilih 5 tahun sekali. Sungguhpun rakyat diberi peluang berkali-kali memilih Kerajaan lain, tetapi tiap-tiap kali rakyat dengan bebas memilih Kerajaan yang sama. Kepercayaan rakyat kepada Kerajaan ini adalah jelas walaupun kali ini namanya ditukar menjadi Kerajaan Barisan Nasional dengan disertai oleh lebih banyak parti-parti politik. Penyertaan parti-parti politik yang dahulunya menentang parti Perikatan juga membuktikan bahawa lebih banyak golongan sudah membuangkan sangkaan buruk terhadap Kerajaan-kerajaan

yang sama yang dipimpin dahulu oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan penggantinya Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak sekarang. Dalam tahun 1969 negara kita ditadbir oleh sebuah Kerajaan dharurat yang berkuasa penuh dan boleh membuat apa sahaja, Majlis Gerakan Negara yang berkuasa pada ketika itu diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak juga, yang sekarang seperti diketahui oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menjadi Perdana Menteri. Pada ketika Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak menjadi Pengerusi MAGERAN, beliau berkuasa untuk membentuk apa sahaja jenis Undang-undang, membatalkan Undang-undang ataupun meminda Undang-undang, tetapi walaupun kuasa yang begitu menyeluruh ada pada beliau, beliau tidak melakukan apa-apa yang tidak adil ataupun bertentangan dengan kehendak rakyat dan kebaikan negara. Sebenarnya, jika Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak ingin mengekalkan kuasanya melalui MAGERAN beliau boleh berbuat demikian, tetapi tidak seperti lazim berlaku di lain-lain negara. MAGERAN di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun dengan sukarela menyerahkan balik kuasanya kepada Parlimen dan sanggup dipersoalkan dan dijatuhkan daripada memegang kuasa di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan semua ini sebagai mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang berbahagia ini dan juga negara kita amnya tentang rekod Kerajaan ini. Walaupun kuasa yang dipegang oleh Kerajaan adalah kuasa muktamat, penyalahgunaan kuasa tidak berlaku. Sebaliknya, Kerajaan-kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional sanggup menghadapi Parlimen dan rakyat supaya ditegur tentang tiap-tiap sesuatu yang dibuat melalui kuasa Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, dari ini adalah jelas bahawa Kerajaan selalu memberi penghargaan dan makna kepada Perlembagaan Persekutuan dan bukan sahaja ini, walaupun Perlembagaan membenarkan dan memberi kuasa perbuatan yang tidak disukai oleh rakyat tidak akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tidak pernah dan tidak boleh dibentuk supaya sehingga ianya tepat pada satu perkara sahaja. Semua undang-undang adalah umum dan luas. Sebab itu kita ada Peguam dan kadang kala kerana teknikaliti dan lain-lain

Peguam berjaya mempertahankan client mereka. Undang-undang terlalu specific lebih mudah diketepikan daripada undang-undang yang benar interpretasi yang luas. Yang penting bukan sahaja undang-undang tetapi semangat ataupun spirit di belakang undang-undang itu. Jika Kerajaan ingin ada banyak undang-undang yang boleh dikedukakan dengan cara yang menindas rakyat, tetapi Kerajaan tidak berbuat demikian, kerana Kerajaan mengutamakan kehendak rakyat. Jika sesuatu tindakan itu bertentangan dengan pendapat dan kehendak umum ianya tidak akan dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, memang ada peruntukan dalam Akta Pelajaran yang memberi kuasa budibicara kepada Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil kepada Sekolah Kebangsaan. Kuasa ini telah ada sejak merdeka 18 tahun dahulu. Kuasa ini tidak tertakluk kepada tentangan mana-mana pihak termasuklah ibubapa ataupun parti-parti Pembangkang. Tetapi apakah sikap Menteri-menteri Pelajaran tentang kuasa yang diberi di bawah Fasal 21(2) Akta Pelajaran ini. Apakah mereka dengan sesuka hati menggunakan kuasa ini. Apakah mereka tidak menghirau public sentiment semua sekali. Ini adalah kenyataan, Tuan Yang di-Pertua. Setakat yang saya tahu, selama 18 tahun Kerajaan yang sama ini berkuasa, cuma pada satu kali sahaja yang ada pertukaran dibuat daripada Sekolah Tamil ke Sekolah Kebangsaan dan ini berlaku di negeri Kelantan atas desakan dan tuntutan daripada ibubapa sendiri.

Selain daripada itu tidak pernah dilakukan pertukaran daripada Sekolah Jenis Kebangsaan China atau Tamil kepada Sekolah Kebangsaan. Peruntukan ini membolehkan Menteri yang berkenaan mengubah Sekolah Jenis Kebangsaan China atau Tamil kepada Sekolah Kebangsaan jika dikehendaki dan dituntut oleh ibubapa murid-murid itu sendiri. Jika kita tidak mengadakan peruntukan seperti yang ada di bawah Fasal 21(2) ini maka walaupun ibubapa dan murid-murid sendiri berasa bahawa pelajaran di sekolah itu merugikan mereka, maka kita tidak berkuasa untuk menukar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun China itu kepada Sekolah Kebangsaan. Dengan adanya peruntukan ini tidak bermakna bahawa Kerajaan berniat untuk memaksa penukaran ini. Rekod Kerajaan selama 18 tahun telah jelas menunjukkan

bahawa kuasa ini tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Kita menimbangkan kehendak dan perasaan yang ada di kalangan rakyat dan kita mengutamakan pendapat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini telah bercakap tadi, saya tertarik sangat dengan berkali-kali ianya berkata bahawa tujuan usul ini bukanlah seperti yang dicatitkan di dalam usul ini yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi tujuannya ialah untuk menguji sikap ahli-ahli M.C.A. dan M.I.C. Ini diperkatakan oleh Ahli itu sendiri.

Saya sendiri telah teringat bahawa tujuan usul ini mungkin untuk menjadi satu bahan politik supaya dapat memancing undi dan sebagainya tetapi sekarang ini pendapat ini sebenarnya telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang berbahagia ini juga. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa usul ini pada pendapat orang ramai mungkin merupakan usul yang berbau politik. Tujuan sebenarnya bukanlah kerana takut Kerajaan akan menukar Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ini kepada Sekolah Kebangsaan, tetapi tujuan sebenarnya seperti yang diperkatakan oleh Ahli yang menyokong ialah supaya memburukkan imej Ahli-ahli Dewan ini yang terdiri daripada M.C.A. dan M.I.C. dengan kerana mereka tidak menyokong usul ini dapatlah mereka dituduh sebagai orang yang tidak mengutamakan perjuangan untuk bahasa-bahasa mereka sendiri.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah Sekolah China dan Sekolah Tamil ini memanglah masalah nasional seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya mengaku bahawa adanya jenis-jenis sekolah ini di dalam sistem pelajaran kita di Malaysia ialah oleh kerana ianya menjadi sebahagian daripada Sistem Pelajaran Nasional. Tetapi dengan adanya usul yang seperti ini maka masalah nasional sudah diubah dan dijadikan masalah perkauman yang mana jika seseorang menentang, ianya menunjukkan bahawa ianya tidak menyokong ataupun menentang kaum itu dan ini, dan jika ianya menyokong usul ini maka ini merupakan bahawa ianyalah seorang yang memperjuangkan hak kaumnya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun di dalam Dewan ini kita bebas bercakap berkenaan dengan perkara ini, tetapi apa yang kita tidak dapat lupakan ialah apa yang kita perkatakan di sini akan dicatatkan di dalam surat-suratkhabar dan diperedarkan keseluruh negara. Maka pendapat-pendapat yang berbau perkauman ini akan dihebahkan kepada semua golongan. Oleh kerana itu maka satu perkara yang sebenarnya merupakan nasional sudahpun menjadi perkara perkauman, yang mana ini akan memburukkan keadaan di dalam negara. Kalau sebenarnya pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka betul-betul berasa ragu-ragu tentang tujuan Kerajaan mengadakan peruntukan ini, saya ingin supaya Ahli Yang Berhormat itu mengkaji sikap dan rekod Kerajaan ini. Saya harap bahawa perkara ini tidak dipanjangkan dan tidak dijadikan bahan perbincangan dan debate di dalam surat-suratkhabar dan di luar-luar dan juga tidak dijadikan bahan yang akan dibawa di dalam pilihanraya yang akan datang kerana ini tidak akan mendatangkan menafaat kepada negara. Kita ingin mengurangkan unsur-unsur perkauman di dalam perbincangan-perbincangan berkenaan dengan politik di dalam negara kita ini.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas Ahli Yang Berhormat yang menyokong tadi berkata bahawa tujuan ini ialah supaya menguji M.C.A. dan M.I.C. dan bukan sebenarnya dengan kerana khawatir tentang penghargaan dan makna kepada jaminan Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya.

Saya menolak usul ini dan saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan menolak usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. (*Tepuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh menggulung, tetapi hanya menjawab apa yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan tidak boleh membawa point yang baharu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sangat malang dan kesalnya bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran bermain-main politik dalam hal ini dan menukar satu soal nasional sebagai satu perkara yang sectional dan disifatkan oleh beliau sebagai perkauman.

Dalam ucapan saya, saya ada berkata tentu ada orang akan menggambarkan serta menganggap perkara ini sebagai perkauman tetapi ini tidak akan memberi sumbangan yang baik terhadap mengatasi soal-soal yang legitimate dan keraguan yang meluas yang dirasakan oleh orang ramai khususnya masyarakat kita. Saya dukacita oleh kerana sangat terus terang sebelum Yang Berhormat Menteri Pelajaran bangun dia telah mengambil satu kesimpulan untuk menolak usul ini dengan tidak kira apa hujah, argument atau sebab-sebab dikemukakan. Tadi, beliau ada memberi satu latar belakang mengenai keikhlasan Kerajaan terhadap demokrasi. Tetapi saya rasa perkara ini sangat controversial samada di negara kita, bagi menuju kepada satu masyarakat yang lebih democratic, atau yang lebih authoritarian, lebih dictatorial. Tetapi itu bukan tajuk perbincangan dan saya sebutkan sahaja untuk memberi sedikit ulasan. Dan Yang Berhormat Menteri berkata bahawa undang-undang mesti umum tidak boleh terlalu specific dan itu adalah satu sebab beliau menolak usul ini. Saya rasa sebab-sebab itu tidak boleh diterima oleh kerana apa yang kita minta dan apa yang saya sebutkan bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen dari D.A.P., tetapi ramai warganegara Malaysia meminta dan suka melihat iaitu supaya meminda Clause 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961 di mana kuasa budibicara yang diberi kepada Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil dibatalkan. Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ada keadaan di mana ramai ibubapa pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah China dan Sekolah-sekolah Tamil pada masa hadapan barangkali mahu mendesak Kementerian supaya menukarkan sekolah-sekolah itu kepada Sekolah Kebangsaan. Saya tidak tahu adakah itu benar ataupun tidak, tetapi sekiranya Kerajaan mahu membuat peruntukan untuk kemungkinan itu, sangat senang, kita boleh membuat satu pindaan lagi di mana budibicara itu disyaratkan di mana bidibicara itu tidak boleh dipakai kecuali dengan keputusan ramai atau majority ibubapa-ibubapa, pelajar-pelajar di sekolah itu mahu sekolah itu ditukar kepada Sekolah Kebangsaan. Itu adalah satu sikap atau langkah yang lebih positif untuk menghadapi soalan ini yang menimbulkan masalah yang real atau benar dan bukan dalam khayalan atau imagination, tetapi malangnya dalam sikap (sungguhpun dengan suara

lembut) seperti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri pihak Kerajaan hingga masa ini tidak mahu dengan ikhlas menghadapi dan mengatasi soalan-soalan ini.

Kita tidak boleh sebagai satu parti Pembangkang atau apa-apa parti dan sesiapa juga tidak boleh bergantung atau depend atas personality oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada berkata supaya mengkaji sikap dan rekod Kerajaan. Rekod Kerajaan saya ada menyebutkan tadi dan menunjukkan bahawa keraguan orang ramai terhadap masa hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan China dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ada asas. Sungguhpun sekarang tidak ada legal conversion Sekolah-sekolah China dan Sekolah-sekolah Tamil kepada Sekolah Kebangsaan, tetapi ada substantial conversion telah berlaku. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita mesti boleh percaya kepada Kerajaan dan Menteri Pelajaran tidak akan menggunakan kuasa budibicara ini atau discretion untuk convert Sekolah-sekolah China dan Sekolah-sekolah Tamil kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan. Saya rasa kita mestilah satu Kerajaan a Government of laws dan bukan a Government of men, kita tidak boleh bergantung kepada orang-orang yang memegang jawatan, tetapi bergantung atas undang-undang adakah boleh atau tidak boleh, apa safeguards dan apa protection, itulah apa yang kita minta. Tentulah Kerajaan ada hak untuk menolak usul ini. Tetapi di sini saya mahu menitikberatkan bahawa apa Kerajaan hari ini atau masa ini menolak bukan usul dari D.A.P. sahaja tetapi asperasi-asperasi rakyat jelata yang sangat ramai dalam masyarakat ini, rakyat yang cintakan Malaysia, rakyat yang mahu jadi bahagian integral Malaysia, dan itu terpulanglah kepada Kerajaan untuk memikirkan lebih dalam dan menukarkan sikap yang sangat shortsighted dalam pandangan saya sangat anti-nasional. Oleh kerana perkara ini sangat mustahak saya akan meminta satu division dalam keputusan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan satu usul yang telah dikemukakan atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk diputuskan oleh Dewan ini, dan akan diundi mengikut Peraturan Mesyuarat 47.

BELAH-BAHAGIAN

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 16; Yang Tidak Bersetuju, 88; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga
2. Dr Chen Man Hin
3. Tuan Lim Kit Siang
4. Dr Tan Chee Khoo
5. Tuan Edwin anak Tangkun
6. Tuan Luhut Wan
7. Tuan Fan Yew Teng
8. Tuan Farn Seong Than
9. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
10. Tuan Lee Lam Thye
11. Tuan Chian Heng Kai
12. Tuan Ngan Siong Hing
13. Tuan Patrick Anek Uren
14. Tuan Sibit anak Tagong *alias* Sibut Miyut anak Tagong
15. Tuan Thomas Salang Siden
16. Tuan Oh Keng Seng

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein
2. Datuk Hussein bin Datuk Onn
3. Datuk Lee San Choon
4. Tan Sri Ong Kee Hui
5. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong
6. Tan Sri Lee Siok Yew
7. Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj
8. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob
9. Dr Mahathir bin Mohamad
10. Datuk Abdul Samad bin Idris
11. Datuk Shariff Ahmad
12. Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail
13. Datuk Mohamed bin Rahmat
14. Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
15. Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Mat Isa
16. Tuan Chan Siang Sun
17. Datuk Abdullah Ahmad
18. Tuan Abu Bakar bin Umar

19. Tuan Richard Ho Ung Hun
20. Dr Sulaiman bin Haji Daud
21. Tuan Paul Leong Khee Seong
22. Tuan Haji Ramli bin Omar
23. Tuan Abdullah bin Majid
24. Taun S. Subramaniam
25. Dr Goh Cheng Teik
26. Dr Neo Yee Pan
27. Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif
28. Tuan Rais bin Yatim
29. Datuk Senu bin Abdul Rahman
30. Tan Sri Syed Jaafar Albar
31. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir
32. Tuan Tan Cheng Bee
33. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
34. Datuk Stephen Yong Kuet Tze
35. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail
36. Tuan Shamsuri Mohd. Salleh
37. Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
38. Tuan Haji Jamil bin Ishak
39. Tuan Embong bin Yahya
40. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed
41. Tuan Jaafar bin Hamzah
42. Raja Nasron bin Raja Ishak
43. Dr Ling Liong Sik
44. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
45. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar
46. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus
47. Tuan Latip bin Haji Dris
48. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim
49. Penghulu Abit anak Angkin
50. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid
51. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin
52. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
53. Tuan Sulaiman bin Haji Taib
54. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop
55. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin
56. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim
57. Datuk Peter Lim Pui Ho
58. Dr Hee Tien Lai
59. Tuan Shaari bin Jusoh
60. Tuan Sanusi bin Junid
61. Tuan Pang Sui Chee *alias* Alex Pang
62. Tuan Lim Kiam Hoon *alias* Lim Ah Ying
63. Tuan Mohd. Zahari bin Awang
64. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman
65. Tuan Shamsuddin bin Din
66. Tuan Stephen Robert Evans
67. Tuan Oo Gin Sun
68. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
69. Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar
70. Tuan Yang Siew Siang
71. Tuan Liben anak Kato *alias* Wairy Leben anak Kato
72. Tuan Richard Damping anak Laki
73. Tuan S. Samy Vellu
74. Toh Puan Oon Zariah binti A. Bakar
75. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya
76. Tuan Chin Hon Ngian
77. Tuan Au How Cheong
78. Tuan K. Pathmanaban
79. Puan Chow Poh Kheng
80. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
81. Tuan Lukman bin Abdul Kadir
82. Tuan Abu Bakar bin Arshad
83. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin
84. Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman
85. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
86. Tuan Chieng Tiong Kai
87. Tuan Hashim bin Ghazali
88. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Usul tidak disetujukan. (*Tepuk*).

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

AKTA PENCEGAH RASUAH, 1961— MEMINDA

4.50 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan Mesyuarat 49(1), memberi keizinan

kepada Ahli bagi Kota Melaka, Lim Kit Siang, untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang yang boleh dinamakan Akta Pencegah Rasuah (Pindaan), 1975 untuk meminda Akta Pencegah Rasuah, 1961 untuk menjadikan satu kesalahan bagi mana jua pegawai awam termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri ataupun Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah mengumpulkan harta atau barang-barang berharga yang tidak seimbang dengan pendapatannya yang diketahui boleh didenda setelah didapati salah ke penjara selama tempoh tidak lebih dari tujuh tahun atau denda tidak lebih dari sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali dengan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk merampas harta atau nilai barang-barang berharga yang diperolehi oleh yang dituduh itu dan memperuntukkan bagi yang dituduh itu membuktikan yang ia tidak bersalah setelah pengumpulan harta, atau barang-barang berharga dibuktikan sebagai satu cara lebih berkesan untuk mencegah dan menahan rasuah yang keterlaluan di golongan pegawai-pegawai awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Tan Sri atas perlantikan menjadi Pengerusi Mesyuarat ini dan untuk menyambung ucapan saya di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izinkan bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terima kasih dan dibenarkan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Motion seeks leave of the House to allow me to introduce a Private Member's Bill to amend the Prevention of Corruption Act, 1961 to provide more effective legislative measures to combat and check the mounting scale of corruption in high public positions. Corruption is rampant in Malaysia and is growing, particularly among higher officials and politicians, including legislators and top Government leaders.

Many political regimes have crumbled because of the prevalence of corruption and lack of integrity of public officials, politicians and administrators, and the consequent

spread of unlawful practices among businessmen and the general public. Examples come easily to mind, for instance, the Kuomintang regime of China, the political regimes of Pakistan, Burma, Indonesia, and most recently, Bangladesh.

Unless Malaysia can purge corruption from public life, we are in fact aiding and abetting the success of the jungle and urban guerrillas, for we are giving them an issue on which to win public support and sympathy.

Although there has been considerable publicity of late about the N.B.I.'s various campaigns, such as the campaign to get public servants to take oaths against corruption and even more recently, the surprise checks on Government Offices, the N.B.I. has failed to make any impact on the problem of corruption. This is because the N.B.I. has not dared to come to grips with one of the fundamental causes of the spreading corruption in Malaysia—corruption in high public positions. The people see the political high-ups openly flaunting their unaccounted wealth, and only the small fries get caught and punished. This is why the ostentatious efforts to prevent corruption and assertions that the corrupt are being dealt with as they deserve only seem to spread cynicism, as they see the higher-ups enjoying immunity.

Ministers, Menteri-menteri Besar and legislators are not above suspicion, and if those in positions of authority are not above suspicion, who can blame the small man for committing similar offences? This kind of thing is infectious and ordinary people tend to copy the conduct of those at the top. That is why there is widespread popular belief in Malaysia about the corruptibility of politicians and administrators and an even more widespread popular belief that

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya minta tone down sedikit reference to specific groups of people in this country.

Tuan Lim Kit Siang: Rang Undang-undang ini khas untuk menghapuskan rasuah-rasuah di kalangan pegawai-pegawai jawatan tertinggi. Oleh itu saya

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya faham, tetapi Ahli Yang Berhormat sebagai seorang Ahli yang bertanggungjawab tentulah tuduhan-tuduhan boleh dilemparkan rata

dan sekeliling dan orang-orang yang dituduh tiada dapat peluang untuk menolak (deny) apa-apa tuduhan itu. Dari segi itu, saya harap dalam ucapan Yang Berhormat ikutlah semangat yang saya tunjukkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I fully agree and accept the ruling. That is why I say that in Malaysia there is a widespread popular belief about the corruptibility of politicians and administrators and an even widespread popular belief that known offenders in high positions can continue their corrupt practices with little risk of punishment, and this widespread belief is a social fact which we in Parliament must take cognizance of because it is something which goes towards determining whether public confidence in the public services is heightened or undermined.

A good illustration is the case of the Selangor Menteri Besar, Datuk Harun bin Idris, who was alleged to have improperly granted logging permits of some 1,000 acres to relatives and to have accumulated a vast personal fortune during his tenure of office.

My former parliamentary colleague, Saudara Loh Jee Mee, the then Member of Parliament for Batang Padang, asked in this House on 29th April, 1974.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Dalam ucapan Ahli Yang Berhormat bila membuat reference personal kepada satu-satu orang dalam negeri ini, oleh sebab orang yang dilemparkan tuduhan itu tiada dapat peluang menjawab, saya minta Ahli Yang Berhormat mengikut macam mana spirit yang saya indicate seperti yang saya tunjukkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, apabila saya namakan seseorang itu saya bertanggungjawab atas perkataan itu dan di sini pun saya sebutkan daripada catitan *Hansard* iaitu di dalam Penyata Rasmi Parlimen di sini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya faham, tetapi sila duduk. Saya faham, sungguhpun Ahli Yang Berhormat bila membuat reference kepada satu-satu orang secara personal Yang Berhormat bertanggungjawab untuk apa-apa action yang akan diambil. Tetapi saya minta Ahli Yang

Berhormat sebagai seorang Ahli yang bertanggungjawab bila membuat ucapan itu mematuhi kepada semangat seperti yang saya sebutkan mula-mula tadi. Oleh kerana apa-apa orang yang kita sebutkan dalam mesyuarat kita ini, sungguhpun boleh disebut, tetapi mereka tidak dapat peluang hendak membelanya. Jadi mengikut semangat yang saya katakan tadi, saya harap Yang Berhormat akan patuh kepada pandangan yang saya beri ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan mematuhi kepada ruling, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya mematuhi semua peraturan-peraturan di dalam Standing Orders kita di dalam Dewan Rakyat ini

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya ada sebutkan mengenai *Hansard* bertarikh 29hb April, 1974 where my former Parliamentary colleague, Saudara Loh Jee Mee had asked what action the N.B.I. had taken with regard to allegations about the \$60 million property which had been amassed by Datuk Harun bin Idris and the \$1.4 million house which he had allegedly built for himself, the Prime Minister said in reply and I quote from the *Hansard*:

- “(a) Biro Siasatan Negara memang sedar “tentang sepucuk surat terbuka yang telah disebarkan kepada orang ramai yang menuduh Menteri Besar Selangor telah mendapat harta sebanyak \$60 juta. Surat itu adalah surat terbang yang tidak bertandatangan. Sebagai satu Badan yang bertindak dengan bebas, Biro Siasatan Negara sememangnya membuat penyiasatan terhadap tuduhan itu.
- (b) Sebagaimana yang saya katakan tadi, Biro Siasatan Negara ialah satu Badan yang bertindak dengan bebas, maka tentulah ia menyiasat maklumat-maklumat yang telah diperolehi berkenaan dengan sesiapa pun”.

When Saudara Loh Jee Mee asked for progress report on the matter at the next meeting on 24th July, 1974, the Prime Minister said investigations by the N.B.I. into the \$60 million corruption allegation against Datuk Harun were still going on, as

“Siasatan kes-kes rasuah adalah sangat rumit dan memakan masa yang agak panjang.”

Although it is evident that Datuk Harun has amassed property and pecuniary resources disproportionate to his known sources of income as a Menteri Besar, no action has been taken to-date although the matter has been in the hands of the N.B.I. for nearly two years.

Recently, a letter was sent to the Director of N.B.I. listing in detail about the shares worth \$2.3 million owned by a Deputy Minister and \$300,000 of landed property owned by a similar Deputy Minister. Has the N.B.I. initiated any investigations into this matter?

In his speech to Johore heads and Senior officers of the Federal and State Government Departments in Johore Bahru on 21st August, 1975, where he made the proposal about oath-taking by public servants against corruption, the N.B.I. Director, Tan Sri Ibrahim Salleh said that all information, even those received anonymously, would be carefully sifted and acted on immediately. He said all information which would lead to the exposure of corruption would be investigated vigorously and appropriate steps taken to deal with such cases.

Cynicism about the N.B.I.'s effectiveness as the anti-corruption agency stems from the failure of the N.B.I. to match its words with deeds and actions. For instance, does the N.B.I. really act on all tips?

Instances of politicians who have amassed a great deal of wealth while in public office were mentioned in this House when we debated the establishment of the N.B.I. on 17th July, 1973.

One Opposition Member spoke of a case, not so long ago, of a person who was an editor of a small newspaper, who became a millionaire after he became the Chief Minister of a State and he was able to invest about \$1.5 million in a newspaper in Singapore. Another Opposition Member spoke of a Chief Minister who had an insurance policy for \$5 million and who pays \$200,000 a year in premiums. Did the N.B.I. as an independent and vigilant anti-corruption agency, act on this information provided in this highest representative

Chamber and initiate proceedings to investigate into both these cases? The answer is clearly in the negative.

Recently, Barisan Nasional leaders in Sabah openly accused each other of corrupt practices. However, Tun Mustapha, when challenged to hold a Royal Commission of Inquiry into the corrupt practices of his Government, countered it with the demand that such an inquiry should broaden its scope to cover the whole of Malaysia, and the matter was quietly dropped. But did the N.B.I., as a vigilant anti-corruption agency, pounce on the opportunity, acting on all tips and information, initiate investigative proceedings to find out about the depth and enormity of corruption in high political positions in Sabah, to trace the sources of the vast wealth and pecuniary resources of the multi-millionaire politicians headed by Tun Mustapha completely disproportionate to their average known legal sources of income?

In Malacca some time ago, anti-corruption officers publicly announced that they were finalising investigations to arrest a “big fish”, and the “big fish”, whose identity everybody knew, was subsequently allowed to escape into the Straits of Malacca.

The recent N.B.I. emphasis on catching the small fish or Sang Kancil demanding a few dollars bribe would appear to mark the N.B.I. surrender to the “big fish”.

Corruption includes all forms of “improper or selfish exercise of power and influence to a public office or to the special position one occupies in public life”. Its incidence infests the whole Government network and bureaucracy, largely because of the example of corruption set by higher officials.

Menteri-menteri Besar, State Executive Councillors, political leaders and even top Government officials alienate land to themselves, which is clearly an improper and corrupt practice. In Malacca, for instance, a Malacca State Executive Councillor acquired 27,000 square feet of precious land for 25 cents a square foot, which would be worth about 20 times its purchase value. This case was openly reported in Malacca State Assembly proceedings and the person is Datuk Tan Cheng Swee.

When the P.P.P. joined the Coalition, the fruits of Government were also accorded to P.P.P. leaders. Thus, in 1973, the D.A.P. exposed in the Perak State Assembly of the alienation of 1,000 acres of oil palm land in the Mukim of Hutan Melintang, worth some \$100,000 to a P.P.P. State Assemblyman in Teluk Anson.

Top Government and public officials have under their control hundreds of millions of dollars and exercise vast discretionary powers in granting permits, licences, which breed golden opportunities for self-enrichment and elevation into the ranks of millionaires, for public servants who lack public integrity.

This is why the people see with disgust top Government and political leaders in possession of several palatial mansions in Jalan Duta, Damansara Heights, Ukay Heights and a string of other multi-million dollar property to their names or names of their children or next-of-kin, although these fortunes are completely disproportionate to their monthly incomes. Has the N.B.I. investigated

Perdana Menteri: On a point of order. I think the Honourable Member has gone too far in making generalised allegations against people who have no opportunity to reply in this House. If there are allegations, it is his duty to place the allegations before the Anti-Corruption Agency (N.B.I.) and not make use of the privilege of this House to smear the names of leaders in this country. The Anti-Corruption Agency (N.B.I.) is an independent body and it is at liberty to make investigations and take legal proceedings. I have mentioned this before and I think it is not fair for leaders of the Opposition to make use of the privilege of this House to smear and make generalised allegations without adequate proof and if there are such allegations, I think the proper place to make is at the National Bureau of Investigation and not in this House.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya harap Ahli Yang Berhormat duduk. Saya telah menyatakan pada mula-mula tadi sebagai seorang Ahli yang bertanggungjawab, dan Ahli Yang Berhormat diharap dalam membuat ucapan itu mestilah ucapan itu bertanggungjawab dan sekarang ruling saya

tidak lagi dapat Ahli Yang Berhormat dalam ucapan itu menyebutkan segala tuduhan-tuduhan seperti yang dibuatkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah. No campaign to purify public life and enforce public integrity can hope to succeed so long as possessions of large amounts of unaccounted money and property by high political and Government officials are permitted. They will make nonsense of the brave words of the Honourable Deputy Prime Minister to the Joint Meeting of the UMNO Youth and Wanita UMNO on June 20th this year when he condemned corruption as "deviations in the country's development" which left unchecked would "sap the fibre of the nation and bring about decadence".

The Honourable Deputy Prime Minister had pledged that the Government would expose these corrupt practices "irrespective of who are involved—be they mouse-deer or dragon". It is completely in this spirit of wanting to expose and root out corrupt practice "tanpa mengira siapa melakukannya—si kancil atau naga" that I am asking leave to propose my batch of amendments to the Prevention of Corruption Act, 1961.

The laws and procedures must be changed so that punitive actions against corrupt officials can be pursued speedily and effectively.

The amendments I intend to propose are drafted with the following considerations in mind:

- (1) Corruption must be sternly stamped out as it undermines social discipline, retard development efforts, and lay the seeds for national disintegration by, for instance, fanning the flames of jungle and urban guerrilla warfare.
- (2) Corruption among minor officials cannot be combatted if it is not first stamped out at higher levels.
- (3) A full purge must be conducted in the whole Government and public services to check misconduct in the Government and to restore the declining public confidence in public office, so that those guilty of conspicuous spending, unexplained wealth, incompetence and involved in graft and corruption can be speedily brought to court without one year delay or two years or indefinite delays.

- (4) Ministers, Deputy Ministers, Parliamentary Secretaries, Menteri-menteri Besar, State Executive Councillors, Members of Parliament, State Assemblymen and top public servants must be above suspicion that they are corruptible and are immune from punishment for corrupt practices.

I am, therefore, proposing that where a public officer, including a Minister, a Deputy Minister, Parliamentary Secretary, Menteri-menteri Besar, State Executive Councillors, Members of Parliament and State Assemblymen, or a top public servant, has pecuniary resources or property disproportionate to his known sources of income, for example, monthly salary or allowance, then he shall be deemed to have acquired or received the disproportionate property or money by corrupt means and shall be guilty of an offence, unless he can establish his innocence or integrity.

A person who is guilty of such an offence is liable to a jail sentence of seven years or a \$10,000 fine, or both, and forfeiture of his ill-gotten gains or their value.

Such amendments to the Prevention of Corruption Act will arm the N.B.I. with adequate powers to combat high-level corruption and deny it an opportunity to hide behind a string of excuses to explain its failure to act against the "big fishes" who have unaccounted wealth or property and conspicuously exhibit them with impunity.

These powers are necessary for corrupt politicians and public servants are very adept in dispersing their ill-gotten gains in diverse ways. The N.B.I. is not only shorthanded, but has inadequate powers to fight corruption and malpractices by people in authority, and this is why position and high office has become a refuge for corruption and crime.

I know that the N.B.I. has powers to get Members of Parliament, State Assemblymen or civil servants

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Saya tengok point yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telah direpeat dan berbalik-balik. Banyak lagikah point yang lain hendak dicakapkan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah membuat banyak pindaan-pindaan yang saya akan kemukakan dengan sebab specific kenapa dengan clause-clause saya bentangkan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya nampak, pada saya ada berulang-ulang (repetition). Jadi, harap dapat cepat sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya sampai point yang akhir. I know that the N.B.I. has powers to get Members of Parliament, State Assemblymen or civil servants to declare their assets even if these were in the names of their wives, children, representatives or trustees, but the Prevention of Corruption Act, 1961 does not make possession of pecuniary resources or property disproportionate to one's known sources of income an offence by itself.

Clause 17 of the Prevention of Corruption Act, 1961 merely provides that evidence of pecuniary resources or property disproportionate to one's known source of income may be considered as corroborative testimony only where a person is charged with a corruption offence, as, for instance in Clause 3, where he is charged with the offence of "corruptly solicit or receive or agree to receive for himself or for any other person any gratification as an inducement to or reward for, or otherwise on account of any person doing or forbearing to do anything in respect of any matter or transaction whatsoever, actual or proposed or likely to take place."

These new powers are necessary, especially to fight corporate corruption carried out by American, Western and Japanese multinational companies and local ones to suborn the integrity of public officials and politicians to allow them to exploit the Malaysian public.

In June this year, the American aircraft company, Northrop Corporation admitted that it had employed influential individuals abroad to assist Northrop in winning multi-million dollar contracts in exchange for a share of lucrative commissions which also run into millions. Malaysia had the dishonour of being mentioned as one of the countries where such underhand Northrop transactions took place. I wonder whether the N.B.I. had conducted any investigations to find out who

are the Malaysians who received commissions or bribes to help in the award of contracts to Northrop if any contracts were awarded.

No wonder, in an issue on corruption in South-East Asia, the *Far Eastern Economic Review* of November 12, 1973 had this to say about Malaysia:

"Malaysia has a more tolerant political atmosphere and there is somewhat more hanky-panky as a result. Compared with the other ASEAN countries, the problem of corruption is less talked about in Malaysia—and probably there is slightly more of it today as a result."

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Saya sudah beri peluang cukup kepada Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya beri ruling dalam dua minit lagi boleh bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh. I quote further:

"As elsewhere, minor offenders are more likely to be caught and punished than the 'big fish'."

The proposed new powers would permit a complete house-cleaning of the entire Government and public services and purge them of the unfit and corrupt. A South-East Asian country recently sacked 2,000 Government officials, including six Cabinet Members, for corruption and malpractices. I say: "Let us do the same."

These amended powers can restore public confidence in the public services, for the people want to see offenders punished, regardless of whether they are high-up or low-down. The present double standards where the higher officials can retire gracefully—like some Menteri-menteri Besar before and recently, I understand, some top Army officers—whereas those in the lower-downs are punished and persecuted, I think, should stop. Thank you.

5.19 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini untuk menyokong usul yang dibuat oleh saudara saya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai perkara rasuah dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Bercakap campur-campur dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Fan Yew Teng: Terima kasih. (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I rise this afternoon to second the motion submitted by my comrade, the Member for Kota Melaka, to introduce a Private Member's Bill to be known as the Prevention of Corruption (Amendment) Bill, 1975.

This proposed Bill seeks to amend the Prevention of Corruption Act, 1961 so as to make it an offence for any public officer including Ministers, Deputy Ministers, Parliamentary Secretaries, Chief Ministers, State EXCO Members, Members of Parliament and State Legislative Assemblies and or civil servants to amass wealth, properties or known income and to make it punishable with a 7-year jail sentence or \$10,000 fine or both.

Mr Speaker, Sir, it is common knowledge that the incidence of corruption, whether it be of the bureaucratic or the political type, is high and widespread in Malaysia. Ministers often talk about it, and just a few days ago, the Inspector-General of Police had quite rightly pointed out that many governments and countries had destroyed themselves because of the cancer of corruption. Perhaps it is pertinent to add that many governments and countries, particularly in the so-called developing world, have destroyed themselves because of their high and benign tolerance of corruption.

Contoh-contoh negara-negara yang jadi macam itu ialah South Vietnam baru-baru ini, tahun ini, Cambodia

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Saya ingat dalam Majlis ini janganlah ada reference kepada negeri-negeri yang lain (negeri-negeri luar) yang bersahabat dengan negeri kita.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, in some parts of the world, corrupt politicians and Ministers have come to be termed as "Mr Ten Per Cent". My colleague had earlier mentioned a very pertinent and bold speech given by Y.A.B. the Deputy Prime Minister on 20th June this year while opening the Joint Assembly of UMNO Youth and Wanita UMNO in Kuala Lumpur.

Any reasonably objective person not out to score narrow partisan political points would agree that those were timely, wise and bold words, but up to a point, coming from the Honourable Deputy Prime Minister. However, in public affairs and affairs of the nation, we cannot pass judgements merely or solely on the basis of the spoken word in the form of exhortations, warnings, pleas or innuendoes. We can only possibly judge the sincere or serious intention or otherwise of the Government on the basis of its actions.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya suka kalau boleh penyokong memberitahu kepada Dewan ini undang-undang yang dicadangkan sekarang ini tidak mencukupi. Saya rasa apa yang diterangkan kepada Dewan ini adalah hanya accusation, very sweeping accusation yang tidak ada langsung substantiation. Kita di sini sekarang ini suka mengetahui samada undang-undang yang ada sekarang ini tidak mencukupi dan yang dicadangkan ini adalah berkehendak sangat, perlu sangat. Saya rasa itu yang penting sekali diterangkan oleh yang mencadangkan, sama juga yang menyokong.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri penjelasan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk dahulu! Alasan-alasan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi sudah didengar dalam Majlis ini. Jadi dalam ucapan Ahli Yang Berhormat janglah repeat lagi, kalau boleh tujukan bagaimana kehendak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi sebab dalam Majlis ini banyak perkara-perkara yang hendak kita bincangkan lagi.

Tuan Fan Yew Teng: Saya akan beri penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, macam mana Akta yang ada sekarang tidak cukup.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia, jadi mengapa bercakap dalam bahasa Inggeris sahaja?

Tuan Fan Yew Teng: Saya akan bercakap campur-campur. Tuan Yang di-Pertua, bukan kita kata pada petang ini bahawa pada masa sekarang kita tidak ada Akta

atau undang-undang untuk mencegah rasuah di dalam negara kita. Bukan kita kata bahawa pada masa sekarang kita tidak ada machinery atau alat-alat atau badan untuk mencegah rasuah. Tetapi apa yang kita anggap sekarang ialah Akta yang ada pada masa sekarang, kuasa di bawah Akta itu tidak cukup.

Mr Speaker, Sir, it is our considered and honest view and that of many Malaysians, that the provisions in the existing laws are highly inadequate if we really want to reduce and eradicate corruption in the country.

Parliament itself has long recognised the presence of corruption in the country. That is why as far back as 1961 after Merdeka and in 1950 under the British, there were already the so-called Prevention of Corruption Ordinance and laws. The existing Prevention of Corruption Act of 1961, and as amended at least six times thereafter, is quite a detailed and specific piece of legislation, we must concede. But as we all soon realise and find out, the Act is still full of inadequacies and loopholes. It hasn't enough of sharp and strong teeth. Therefore, this Act is rendered sloppy, fitting it into that category of laws which, like the spider's web, catch the fly and let the hawk go free, or to put it more plainly, Mr Speaker, Sir, small fishes are caught while the sharks are left out.

Mr Speaker, Sir, and more importantly, the implementation of the 1961 Act as it stands today takes care mainly of what can be called bureaucratic corruption while political corruption, which is more deadly and voluminous, is hardly combated frontally and boldly as it should be.

Mr Speaker, Sir, what this country needs is exemplary political leadership and when we talk of political leadership, Mr Speaker, Sir, viz-a-viz corruption, there is no reason why Honourable Members in the Government Benches should become so sensitive.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk! With reference to exemplary political leadership, adakah relevance kepada motion yang ada di hadapan kita pada hari ini? Pada saya tidak ada relevance langsung. Yang diminta ialah hendak memindahkan undang-undang yang berkenaan.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, I was talking of bureaucratic and political type of corruption viz-a-viz provisions of the

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yes, but it has no relevance to the motion before us.

Tuan Fan Yew Teng: No, by way of explanation.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Don't argue with me. That is my ruling.

Tuan Fan Yew Teng: So, Mr Speaker, Sir, the people of this country are not surprised with the phenomenon where, as my colleague earlier said, there appeared to be double standards. It is not uncommon to see the unedifying parcelling of the spoils of office and power within the capitalist system. What we are surprised at is the utter audacity, if not the hypocrisy of some politicians to pontificate, to sanctimonise and to platitudinize on the problem of corruption. And they do it to such an extent.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 49 (1) berbunyi:

"Any private member desiring to introduce a Bill may, subject to the provision of Article 67 of the Constitution, apply for leave to do so, stating at the same time the object and leading features of such Bill."

Sejak daripada tadi kita tidak mendengar-pun kenyataan-kenyataan berkenaan dengan Bil yang akan dibawa oleh Ahli Yang Berhormat yang membawa cadangan ini. Apa yang kita dengar tuduhan-tuduhan umum, allegations yang tidak dapat hendak dibuktikan. Oleh sebab itu saya minta Tuan Yang di-Pertua memerhatikan Standing Order 49 (1) ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila patuh.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, as I was saying, they do it to such an extent and in such a manner that they must be making the Gods weep in despair.

Mr Speaker, Sir, the Bill presented by my comrade, the Member for Kota Melaka, is, apart from other things, a test of how serious and sincere this Government is with regard

to the problems of corruption at all levels and in all spheres of our national lives in Malaysia. If the Government is serious and sincere as it often claims itself to be in combating this social and political cancer, then I say, today is the opportunity to show it and to prove it. We would not plead for their support. We need not implore them to support this Bill. In the national interest—and there are supposed to be many honourable men and women in this House who are vociferous protectors and promoters of our national interest—and because the national interest is not

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya suka mengingatkan Yang Berhormat dari Menglembu, sebab saya telah terangkan, kita tidak dengar apa-apa bukti yang mengatakan the inadequacies of the law that exists at the moment. This is the thing that we all expect to hear, and he is expecting us to support.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan oleh Yang Berhormat dari Pantar adalah mengikut spirit dan apa-apa yang telah ditunjukkan dalam undang-undang dan peraturan. Sila patuh pada itu. Jika tidak, saya tidak beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, actually I am concluding my speech

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk Ahli Yang Berhormat. Pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi iaitu peluang diberi kepada Ahli Yang Berhormat untuk menunjukkan di manakah kekurangan legislation yang ada pada masa sekarang. Jadi, saya harap ucapan yang akan diteruskan ini adalah mengikut arahan yang saya beri.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, actually, as I was saying, I am coming to my conclusion.

Mr Speaker, Sir, we would not implore people to support this Bill. We would leave it to their own conscience because national interest is not negotiable or subject to

bargain. But, instead we would challenge them to join us in getting the proposed amendments in this Bill passed, so that we could really tackle corruption at the roots.

Mr Speaker, Sir, the question today is very simple: Do we really want to win the war against corruption or do we want Malaysia to become a Babylon, infested with the philistines and the burlesquines? We have heard of the fall of ancient Rome. I don't suppose we have so easily forgotten things like Watergate

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat sila duduk. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat tidak faham penerangan yang saya beri tadi. Peluang diberi kepada Yang Berhormat mengikut Peraturan 49 (1) "to state the object and leading features of the Bill" dan seperti pandangan yang diberi oleh Menteri Luar Negeri tadi menunjukkan, kalau mengikut Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sini, undang-undang yang ada sekarang ini tidak mencukupi, di manakah kekurangan, di manakah yang patut dibetulkan. Tetapi Ahli Yang Berhormat melencong ke lain. Sila sambung.

Tuan Fan Yew Teng: Mr Speaker, Sir, I have already mentioned about the inadequacies of the present Act and therefore this Act needs more teeth and actually, as I said, I am coming to the conclusion

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk! Ini ruling saya yang penghabisan. Betul, Ahli Yang Berhormat sudah menyebut kekurangan undang-undang yang ada, tetapi tidak menyebutkan satu-persatu apakah kekurangannya. Jadi, kalau sekiranya tidak ada lagi yang hendak dicakapkan, saya tidak boleh beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat lagi. Sila patuh kepada ruling saya.

Tuan Fan Yew Teng: Lastly, Mr Speaker, Sir, as I said, if the proposed amendments by my colleague are rejected today—the lessons are there, but whether we learn from them or we shun them is our choice to make—and if Honourable Members shrink from the challenge and the responsibility implicit in this Bill as presented by my colleague, then I say, "May the Almighty God be kind to all of us! Thank you, Sir.

5.35 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris berkenaan usul

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tetapi jangan semua dalam bahasa Inggeris.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya akan bercakap campur-campur.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill because I think this Bill is very essential in view of the fact that times are changing. Sir, first, I must say that the Prevention of Corruption Act, like some of the Acts that we now find in the country, is no more than a piece of legislation, the purpose of which is, of course, to check corruption. Mr Speaker, Sir, I think the Prevention of Corruption Act is not sufficiently, as my colleague the Member for Menglembu has put it, armed with good teeth. As a piece of Criminal legislation, Mr Speaker, Sir, as in all other criminal matters, in so far as the Prevention of Corruption Act is concerned, the onus is on the prosecution to prove that somebody is corrupt. The purpose of this Bill is to reverse the onus. The idea behind this Bill is to shift the onus of proof to the person who is accused of corruption to prove his innocence and I think that is essential.

There are numerous loopholes in the Prevention of Corruption Act that will enable people who might otherwise be corrupt to escape punishment. This is the reason, Mr Speaker, Sir, why this Bill has been introduced and I think if we are honest, if Members of Parliament and other public figures are honest in checking corruption, then I think they should have no fear in supporting this Bill. But I notice with deep regret that some Members are, in fact, already trying to bang the table or making a little hue and cry here and there or, if not, are trying to ridicule the people speaking in favour of this Bill. This, I regret to say, reflects the intention, the motive, of the Government for not taking strong action against those who might otherwise be punished for corruption and this is where this Bill is necessary.

As a matter of illustration, Mr Speaker, Sir, I am sure that there are many people in this country today—especially the top leaders

in this country today—who may have bank accounts in Switzerland which we cannot touch, which we cannot see and even the National Bureau of Investigation (N.B.I.) cannot go to Switzerland to check their accounts. In these circumstances, where somebody is accused of corruption and there are sufficient facts to justify that accusation, that allegation, then the N.B.I. should go for these people and shift the onus of proof to these people to assert their innocence and that is why this Bill has been brought up.

Mr Speaker, Sir, I really regret very much to say that a few years back the N.B.I. did a good job under the leadership of the now Justice Harun. He was investigating and looking into the affairs of one Datuk Ahmad Said who was the then Menteri Besar of Perak

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk! Saya ulangkan sekali lagi, dalam Majlis yang berbahagia ini janganlah ada menyebut nama-nama orang yang tidak dapat peluang hendak membela d'rianya. Sila teruskan ucapan.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit berkenaan Datuk Ahmad Said, sebab ada satu perkara yang telah berlaku. Itu bukan fiction atau story atau tujuan saya untuk mengotor-kan (to blacken) nama beliau itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya ingat di sini

Tuan Ngan Siong Hing: (*Bangun*).

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk dahulu! Kita sebagai Ahli-ahli yang bertanggungjawab, dalam kita mengemukakan pandangan-pandangan kita kalau boleh kita kemukakan ucapan atau pandangan kita sebagai orang yang bertanggungjawab. Jika sekiranya ada mempunyai reference kepada orang-orang yang tidak dapat peluang membela dirinya, boleh jadi ini satu approach yang saya fikir tidak payah kita ikut. Sila.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, nasihat itu baik dan saya pun menerimanya tetapi seperti saya katakan tadi

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jangan disebut banyak kali.

Tuan Ngan Siong Hing: Tidak banyak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sekali sebut cukuplah.

Tuan Ngan Siong Hing: Ya, ini adalah satu contoh.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jangan sebut sampai 10 kali.

Tuan Ngan Siong Hing: Perkara Datuk Ahmad Said adalah satu contoh

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jangan sebut 10 kali, sekali dua sudah cukup kerana semua orang sudah tahu. Sila.

Tuan Ngan Siong Hing: Mr Speaker, can I continue? As I said earlier, Sir, that is a good example where the law was prevented from taking its course and I, therefore, submit that this Bill is essential in a situation such as this where the onus would shift to the otherwise corrupt person to assert his innocence. This would give the N.B.I. motive, more power, to go for those who are taking advantage of changing times, who are taking advantage of the benefits that they may otherwise get from the so-called New Economic Policy of the Government to enrich themselves. The onus, if this Bill is accepted, would shift on to them, to assert not only their innocence but also the innocence of their next-of-kin, their children and their wives. As far as we know, some people are getting more than they ought; they have, over the period of two, three or five years, accumulated so much wealth that one would be shocked if one were able to prove it; but, because of difficulties in proving such things, we think that this Bill will be necessary. We, therefore, urge the Members of this House to speak up in favour of this Bill not for the sake of the D.A.P. but for the sake of the country, for the sake of the future and that is why we are here to move this Motion to introduce this Bill. Thank you.

5.41 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Harap pendekkan sedikit kerana banyak perkara lain yang hendak diselesaikan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang lain tidak disuruh bercakap pendek, cuma wakil dari Kepong sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya minta pendekkan sedikit. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap dengan panjang lebar tentang usul yang dikemukakan oleh wakil dari Kota Melaka. Dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, it is well known that corruption, as has been pointed out by the late Tun Dr Ismail, is a cancer that like all cancers if not excised from the body politic will eat into the very vitals of the nation and it has been mentioned that governments fall, amongst other reasons because

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Oleh sebab saya tahu Ahli Yang Berhormat cukup fasih bercakap dalam Bahasa Malaysia, gunakan lebih banyak Bahasa Malaysia dalam ucapan Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Saya akan gunakan Bahasa Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila.

Dr Tan Chee Khoon: Governments fall mainly because they are corrupt. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah bertanya apakah bukti menunjukkan ada kekurangan di dalam Prevention of Corruption Act, 1961. Pada masa dahulu boleh dikatakan tiap-tiap bulan saya telah menerima barangkali tiga atau empat pucuk surat menyatakan orang ini corrupted—orang itu rasuah, dan semuanya itu telah saya sampaikan pada masa itu B.P.R. (The Anti-Corruption Agency) sekarang ini Biro Siasatan Negara. Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, malangnya satu minggu saya terima dua atau tiga pucuk surat tentang rasuah di tanahair kita dan itu membuktikan kuasa

Akta ini tidak mencukupi. Oleh sebab itu, ada tuduhan tentang orang-orang kenamaan di tanahair kita yang makan suap (to use kedai kopi term). (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga bertanya, apakah bukti kekurangan Akta ini untuk mencegah rasuah dan barangkali Kerajaan Barisan Nasional tidak berharap boleh menghapuskan rasuah di tanahair kita. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan kepada Dewan ini, pada masa sekarang saya seorang doktor, kalau saya ada beratus-ratus juta harta bagaimana; dan kita sedar ada orang yang mempunyai harta berjuta-juta tetapi tidak disiasat oleh Biro Siasatan Negara. Kalau Kerajaan meminda Akta tersebut, boleh disiasat orang yang ada harta berjuta-juta tetapi pendapatannya atau gajinya tidak lumayan bagaimana mereka boleh mempunyai begitu banyak harta. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Akta yang ada sekarang tidak mencukupi dan perlu dipinda. Kita sedar, kalau kita pergi ke Jalan Duta, Petaling Jaya dan lain-lain tempat kita akan tenguk rumah besar dan kita bertanya harga rumah itu tentu jawabnya \$300,000 tetapi gaji pegawai itu \$1,500. Jadi, saya hendak bertanya, bagaimanakah seorang yang bergaji \$1,500 boleh membina sebuah rumah dengan harga \$300,000. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Kerajaan perlu meminda Akta tersebut supaya orang yang ada harta lebih dan gajinya tidak berkemampuan untuk mempunyai begitu banyak harta perlu memberi keterangan kepada BSN dan saya harap BSN boleh menyiasat kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji dua pegawai tinggi, iaitu I.G.P. yang telah mengambil inisiatif yang menyuruh semua kakitangan di dalam Polis Di Raja Malaysia memberi laporan tentang hartanya. Dan beliau telah memberi amaran kepada semua kakitangan Polis Di Raja supaya jangan memakan rasuah, jangan terima rasuah dan jika ditangkap akan dibawa ke mahkamah. Jika kalah kes itu, mesti masuk penjara. Dan saya juga ingin memuji Ketua Biro Siasatan Negara yang mana sewaktu melawat Johor Bharu, katanya: "We must hate corruption" and he has now called on the various States to initiate action. Now I have yet to see this. We heard the Deputy Prime Minister in his address in June talk about the big fish and

the small fish, but let us hear something from the Federal Government supporting the Head of the National Bureau of Investigation in his call to all of us to hate corruption so that we can now instil into the civil servants that they should also take a part in trying to curb corruption in this country.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Kerajaan Pusat satu perkara yang boleh menggalakkan rasuah di tanahair kita. Now I refer to the arms deals in this country. Mr Speaker, Sir, now, normally when you buy—not planes from Northrop where there is an allegation that the Malaysians want a cut—but when you buy arms which run into millions of dollars, and we know that when we buy aeroplanes, tanks and the like, they run into millions of dollars, this must, as elsewhere it is done, on a government-to-government basis. Why in this country should the Government go through private agencies I want to know. If the other side says it is their custom to sell arms through private agencies, that they have firms which deal in arms, that is their business, but we on our side must say, No, it is our practice to do things on a government-to-government basis because this not only involves money, it involves the security of this country and we cannot leave it to the firms which have a profit motive to buy arms. We know that in the Arab-Israeli conflict of 1956 the Arabs lost the war because the Generals who were supposed to buy arms that were up-to-date were corrupt and they bought second-hand.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya berharap Ahli Yang Berhormat ingat pandangan saya tadi iaitu dalam ucapan kita di dalam majlis ini, kalau boleh, avoidlah reference kepada negeri-negeri lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mematuhi kepada ruling Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang saya sebutkan tadi ada tercatat di dalam Buku Nasser—this is in the Memoirs of President Nasser. What I am saying is public knowledge; nevertheless I would try and avoid any specific reference since it offends your taste of decency, Mr Speaker, Sir.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk Yang Berhormat. Saya beri penerangan sungguhpun fact itu ada tempat-tempatnya

disebutkan di mana tempat disebutkan itu akan beri bahana yang lebih, dan sebagai satu majlis yang bertanggungjawab, saya minta janganlah banyak reference kepada perkara-perkara yang semacam ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, the other thing that I want to bring to the attention of this House. . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya kata tadi bercakap pendek, saya beri peluang sedikit sahaja lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tidak berapa lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kita perlu menguatkan Biro Siasatan Negara, oleh sebab kita telah dengar tuduhan dari anggota di dalam Dewan ini bahawa Biro Siasatan Negara tidak buat itu dan ini. Tetapi pada pendapat saya Biro Siasatan Negara tidak mencukupi kakitangan. Jadi oleh sebab itu, tidak boleh menyiasat semua tuduhan-tuduhan seumpamanya yang disampaikan oleh saya kepada mereka. Jadi, kalau sekiranya Kerajaan Pusat benar-benar hendak mencegah rasuah di tanahair kita, perlulah Kerajaan menguatkan Biro Siasatan Negara.

Akhirnya, saya ingin membawa dua perkara dalam Dewan ini iaitu pada 18hb Oktober ada satu majlis perkahwinan di Ulu Klang. Saya menerima sepucuk surat yang mengatakan pegawai ini ada menggunakan alat-alat Kerajaan dan menggunakan kakitangan Kerajaan. Ini yang saya terima. Dan pada hari itu juga, 18hb Oktober ada lagi satu majlis perkahwinan iaitu di Petaling Jaya yang mana pegawai-pegawai besar itu juga ada menggunakan alat Kerajaan dan kakitangan Kerajaan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Tadi ada pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi perkara yang boleh diambil tindakan melalui kuasa-kuasa yang telah diberi di dalam undang-undang sebagai keadaannya pada masa ini. Kalau kita sebutkan perkara yang semacam ini, kita mengambil masa, walhal majlis ini banyak lagi kerja-kerja yang lain yang hendak dibuat. Jadi, saya harap pandangan-pandangan Yang Berhormat restrict kepada motion yang ada di depan kita.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jangan merewang jauh sangat!

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menamakan pegawai itu dan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Bukan menama—perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, jikalau ada tuduhan-tuduhan, ada tempatnya yang boleh dikemukakan.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak memberitahu kepada Dewan ini dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya sudah menyampaikan tuduhan itu kepada pihak yang berkuasa.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ini tidak ada kaitan dengan.

Dr Tan Chee Khoon: Berkaitan, Tuan Yang di-Pertua. This is a subtle form of corruption, and the kindest interpretation that I can place on it is that the officials concerned probably did not realise that it is also a form of corruption and that officials of high standing in our Government, like Caesar's wife, Tuan Yang di-Pertua, must be above suspicion, must not do things like this. Thank you, Sir.

5.58 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit pandangan terhadap usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Perkara ini pernah juga timbul di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali dahulu, dan saya sendiripun telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai usul tentang hal rasuah. Yang mana sekarang inipun Kerajaan negara kita Malaysia dengan hati yang setia dan tulus dengan seboleh-bolehnya mengawal kejadian mengenai rasuah yang berlaku di dalam negara kita, akan tetapi sampai setakat ini kami sedia maklum perkara ini bukanlah 100% sudah begitu beres. Akan tetapi, ada beberapa rumours ataupun khabar-khabar angin pernah meletus di sana-sini di dalam

mana-mana bidang di negara kita oleh kerana salah sangka yang salah terhadap pemimpin-pemimpin negara lebih-lebih lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab iaitu pihak Yang Berhormat Menteri-menteri. Mereka telahpun mungkin pernah mendengar hujjah-hujjah yang tidak memuaskan hati terhadap keadaan rasuah di negara kita Malaysia. Jadi, di dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah dengan seboleh-bolehnya mengambil langkah yang wajar supaya menunjukkan kepada masyarakat dan rakyat jelata negara kita Malaysia supaya salah sangka ini jangan timbul lagi kemudian hari. Tidak lain dan tidak bukan haruslah undang-undang ini iaitu undang-undang mengenai rasuah ini akan diperkuatkan lagi daripada yang kita amalkan pada masa ini.

Saya juga sedia maklum bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang benar-benar setia dan tulus yang tidak pernah melakukan jenayah terhadap rasuah tentu sekali keadaan mereka didapati ghairah dalam Dewan ini apabila undang-undang ataupun usul ini dibawa ke dalam Dewan ini. Oleh kerana perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang makan cili, dia yang merasa pedas. Saya dengan sepenuh hati menyokong usul ini agar usul ini dipertimbangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya tindakan yang lebih berat akan diambil dan dapat menjalankan tugas-tugas agar rasuah janganlah menjadi satu penyakit yang tidak dapat disembuhkan di negara kita.

6.02 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab apa yang telah dicadangkan dan juga untuk menjawab sedikit-sebanyak apa yang telah diperkatakan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang di bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah seolah-olah undang-undang yang terdapat sekarang ini tidak mencukupi—the law that exists today is inadequate; the provisions under the Prevention of Corruption Act are inadequate. Tetapi sebaliknya apa yang diperkatakan seperti mana yang telah saya sebutkan adalah satu allegation, sweeping accusation, yang tidak boleh disubstantiatekan di Dewan ini dan apa yang saya menunggu-nunggu hendak

mendengar apakah yang betul-betul tidak mencukupi, di manakah bab-bab yang terdapat sekarang ini tidak mencukupi.

Kita tahu undang-undang kita yang terdapat sekarang ini semua manusia dan semua warganegara yang ada di dalam negara kita ini adalah semacam dari segi perundangan (equality before the law). There is nobody in Malaysia who has the privilege of immunity of the law except under the provisions of the Constitution. Perlembagaan kita memberikan perkecualian ini di dalam Article 181 of our Constitution. Inilah yang terdapat iaitu Raja-raja yang ada immunity. Selain daripada itu tidak ada.

Saya menunggu-nunggu untuk mendengar hujjah-hujjah yang dikeluarkan daripada pencadang dan penyokong khususnya dan daripada orang-orang lain di manakah ada kekurangannya. Saya tidak dapat mendengar dan tidak dapat diconvincekan. Tetapi saya mendengar selama sejam dan hampir-hampir dua jam menunggu hujjah-hujjah yang mengatakan di manakah undang-undang ini kekurangan tidak ada. Kalau saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, the presumption of the law that is provided under the Prevention of Corruption Act is applicable, adalah berhak kepada semua samada Menteri atau Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan juga semua Ahli-ahli, Wakil-wakil Rakyat sekalian samada Parlimen atau Dewan Negeri. Ini telahpun dipakai semua Undang-undang iaitu presumption. Jadi Kerajaan telahpun mengadakan presumption of law to shift the burden of proof to the accused person to explain how he has come to possession of such wealth. Ini telah ada di dalam Undang-undang itu, tetapi saya hendak menunggu daripada yang mencadang di manakah kekurangan undang-undang ini ada di dalam itu. Saya tidak tahu di manakah

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: What is this?

Tuan Lim Kit Siang: Can the Minister tell me under which section, under what law, if he says such law exists.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu daripada pencadang, dan saya tidak mahu bercerita

kepada pencadang, apakah kekurangannya, saya menunggu hendak mendengarnya, tetapi Yang Berhormat bertanya kepada saya pula, saya tidak hendak beri penjelasan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: No, not if he gives way for clarification.

Tuan Lim Kit Siang: He wants to hide under technicalities.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercerita kepada pencadang dan nampaknya apa yang dihujahkan kepada kita di sini adalah hanya berbau politik juga, seperti rakan saya katakan tadi hendak bercakap di sini untuk politik hendak memancing undi. Itulah tujuan yang asal, tidak ada hasrat dan tujuan yang jujur untuk menjaga keamanan atau keselamatan. Saya suka mengatakan yang mana Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah berkata dahulu Kerajaan sentiasa as determined as all the Opposition, as all the people in this country to eradicate corruption. We are just as determined as all the people or even more determined than the Opposition in this case.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, jikalau orang-orang ini sedia datang ke mahkamah memberikan keterangan-keterangan, inilah masalah yang mana kita tidak dapat mengurangkan (eradicate) corruption (rasuah), kalau hendak menggunakan istilah Yang Berhormat dari Kepong, katanya, "Makan Suap". Ini masalah yang terdapat sekarang ini. Kata pepatah Melayu: "Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi". Di sini rasuah juga tidak akan berlaku, jikalau tidak dua parti atau dua pihak yang melakukan rasuah. Inilah kedudukannya.

Saya suka mengatakan orang ramai hendaklah bekerjasama dengan pihak yang berkuasa untuk menghapuskan rasuah ini, saya rasa inilah masalahnya. Kita telah lihat pada masa-masa yang lampau Kerajaan telah meminda Prevention of Corruption Act supaya mengatasi jikalau adanya kekurangan yang terdapat pada masa yang lepas. Jadi, di sini kita hendak menunggu dan hendak mendengar bahawa tidak adakah hujjah-hujjah yang keluar dalam masa dua jam yang lepas yang mana mengatakan ada kekurangan, ada perbezaan di antara undang-undang yang terdapat sekarang ini, iaitu Menteri-menteri,

Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan orang-orang lain. Saya suka mengatakan tidak ada perbedzaannya, semua manusia yang ada di sini adalah sama di segi undang-undang (equality before the law). Ini saya suka mengatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang berbahagia ini. Saya juga suka hendak menerangkan tetapi malangnya orang-orang yang disebutkan namanya tidak ada di sini dan tidak dapat dijawab. Tuan Yang di-Pertua telahpun menarik perhatian kepada orang-orang yang bercakap, that is the principle of natural justice iaitu kita tidak boleh condemn seseorang atas kesalahannya jikalau kita tidak dengar daripada pihak dia. Kita lihat dahulu natural justice ini kalau di dalamnya terdapat yang patut dipakai di sini iaitu pihak yang dituduh patutlah boleh menjawab, tetapi di sini tidak dapat. Pada hakikat saya, jikalau orang itu sudah tidak dapat menjawab, janganlah bawaan perkara itu di sini. That is unfair. Saya suka mengatakan cerita-cerita dahulu yang mengatakan even God himself before He condemned Adam asked him, "Why have thou taken the apple, mengapa kamu sudah makan apple?" Di sini juga kita mengatakan iaitu perkara-perkara yang seperti ini janganlah dibawa kepada orang yang tidak bersabit di sini. Janganlah buat accusation. Nampaknya dalam masa 2 jam yang lepas kita mendengar pencadang ini hanya hendak bermain politik, berbau politik hendak menarik undi-undi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengatakan iaitu mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini, semua orang yang melakukan kesalahan rasuah bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan tetapi juga termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri boleh didakwa di mahkamah-mahkamah. Itulah pandangan pihak Kerajaan untuk menjawab kepada pencadang dan saya telah hujjahkan pada awal lagi iaitu there is equality before the law. Every person is equal before the law.

Bagi pegawai-pegawai Kerajaan pula memang ada peruntukan dalam Perintah Am (Bab D) yang mewajibkan mereka melapurkan kepada Kerajaan harta-harta yang mereka peroleh. Sekiranya terdapat kes-kes

di mana pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak dapat memberi penjelasan yang menasabah, maka perkara itu akan dilapurkan kepada pihak berkuasa Tatatertib yang berkenaan dan tindakan diambil terhadap mereka termasuk tindakan pembuangan kerja.

Bagi Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan sebagainya adalah juga dikehendaki melapurkan harta-harta mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tatkala mereka mula dilantik. Kerajaan berpendapat bahawa tidak ada perlu meminda undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Kerajaan penuh sedar tentang perbuatan rasuah di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan langkah-langkah tegas sentiasa dijalankan untuk mengawalinya. Seperti yang termaklum Biro Siasatan Negara telahpun menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas beberapa Jabatan Kerajaan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat dalam tugas mereka se hari-hari. Pemeriksaan secara mengejut itu akan terus berjalan dan dengan itu diharapkan perbuatan rasuah di kalangan kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan akan dapat dihapuskan. Dalam pada itu, Kerajaan juga mempertimbangkan dengan teliti sebarang pindaan kepada undang-undang yang boleh menjejaskan seseorang di sisi undang-undang. Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah difikirkan keterlaluan dan akan menjejaskan hak seseorang di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah katakan, apa yang telah kita dengar daripada pencadang supaya kita ber-setuju, dan untuk negara, katanya, apakah yang diujjahkan supaya kita berikan persetujuan di sini. Kita menunggu-nunggu selama 2 jam hendak mendengarkan hujjah-hujjahnya tidak ada yang perlu ditukar atau dipinda Akta Pencegah Rasuah. Pada hakikatnya, saya rasa apa yang diujjahkan itu tidak ada menasabah, there is no merit in the consideration of this Undang-undang yang patut dipindakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mencadangkan usul ini ditolak.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Kita telah membahaskan usul ini dengan panjang lebar. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam jawapannya menghadkan ucapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjawab bagi pihak Kerajaan dan beliau berkali-kali berkata, beliau menunggu-nunggu selama dua jam tetapi tidak dapat hujjah-hujjah mengenai kekurangan dalam undang-undang yang ada sekarang untuk mencegah atau membenteras rasuah di negara ini. Saya tidak tahu itu disebabkan oleh kerana beliau berada di luar negeri terlalu lama atau beliau terlalu hard of hearing atau dense in understanding.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak peduli. Saya harap jawab apa yang saya bangkitkan sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya harap ucapan dalam Dewan ini ada hormat-menghormati diantara seorang Ahli dengan seorang Ahli yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana dalam masa dua jam tadi saya menerangkan kenapa sangat perlunya kita mengadakan pindaan ini. Oleh kerana kita sekarang boleh nampak pegawai-pegawai tertinggi, baikpun dalam arena politik atau perkhidmatan awam (public service) mempunyai unaccounted wealth with impunity. Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa there is equality before the Law. "Tell it to the Marines", I say. Go and ask the people whether there is equality before the law. It is a fiction, a myth written very beautifully in the Constitution, to be shouted in Parliament, to be boasted probably in the United Nations, but which has no reality . .

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Itu tidak bersabit dengan Undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada hujjah-hujjah

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Saya telah memberitahu tadi dalam ucapan Ahli Yang Berhormat sila hadkan pandangan-pandangan oleh kerana kita banyak kerja-kerja lain yang hendak dibuat dalam Majlis ini, hadkan kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi dan janganlah melemparkan tuduhan—muliakan Majlis ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya menghadkan ucapan golongan ini kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan saya tidak akan timbulkan apa-apa hal yang lain sungguhpun ada bersangkutan-paut. Saya menolak tanpa syarat hujjah-hujjahnya bahawa ada equality before the law, oleh kerana tidak ada, dan sekiranya beliau mahu bukti (instances) kita boleh adakan satu perbahasan yang lebih besar atas perkara ini.

Yang kedua, mengenai the rule of natural justice bahawa orang-orang yang tidak ada di sini tidak boleh disebut. Apa yang saya tahu ialah the rule of natural justice ada peraturan-peraturan dibuat di Dewan Mesyuarat ini di mana sekiranya seseorang yang terlibat di dalam satu perkara yang ada public interest boleh dibangkitkan dengan dipertanggungjawabkan kepada orang yang membangkitkan hal itu. Dan sekiranya kita sangat asyik perkara rule of natural justice dan tidak mahu menyeleweng daripada tujuan membenteras rasuah, Parlimen ini boleh ada kuasa mengadakan satu Suruhanjaya Khas, boleh mengadakan hearing mengenai hal-hal yang terlibat sesiapa yang telah dinamakan dan saya rasa semua apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bukan sebab-sebab yang baik, yang kuat untuk menolak Usul ini. Apa yang saya dapati sangat terang sekarang ialah he and probably his colleagues are here not to be convinced. They are here with a closed mind. Again, as my colleague from Menglembu says, "We do not implore, we do not beg for any support", the Motion itself calls for support of all those who cherish and who love Malaysia.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Coming to the last point, I do not know exactly what point the Minister was making just now. I am prepared to give way if he wants to make a clarification—I am not like

him. The point raised was whether the law at present permits prosecution of a holder of high public office who has property or pecuniary resources disproportionate to his normal income. As far as I am aware, going through the Statutes, there is no such law. If there is such law, I am prepared to yield and listen to the Minister. Is there? There is no such law and that is the purpose of this Amendment. I hope that this simple point can get across because although it is a small thing, it goes to the root of the whole question of eliminating, not poverty but corruption because if we regard corruption as a big issue, as cancerous as some Ministers have publicly stated, as dangerous as drugs, as dangerous as communism, then I say we must regard it with equal seriousness. It was stated that basic rights would be affected if such amendment is allowed. I am very touched by the concern that the Honourable Minister has shown for the basic rights of Malaysians which apparently was not shown with regard to the implementation of the Emergency (Security Cases) Regulations where a person is guilty of a security offence unless he proves his innocence.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membangkitkan perkara emergency ini. Perkara emergency ini, saya tidak bangkitkan langsung. Saya rasa jikalau kita. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: What point is the Minister stating? Is it on a point of order or what?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di dalam perkara. . . .

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: On a point of order. Bila hendak menjawab, mestilah menjawab perkara yang saya bangkitkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di bawah Standing Order 37 kalau hendakkan on a point of order, boleh.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, itulah yang saya katakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sahaja, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: I was saying I was touched by his concern for basic rights. I say let us not shed crocodile tears. Here is a question of corruption in high places which eats into the very roots of the fabric of society, as the Honourable Deputy Minister said, and if we want to come to grips with this problem, this Amendment is vital and necessary. If you do not want to get this Amendment through—of course, we know the reasons—then I say there is no will to fight corruption at high places and unless corruption at high places is combatted, the minor, small fish corruption cannot be eliminated. The nation and history will take note of the decision that will be made today as to whether Members of Parliament are prepared to take a stand on this motion which will have far-reaching effects to fight corruption and because of the importance of this, I will be calling for a division.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan satu usul yang telah dikemukakan atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk diputuskan oleh Dewan ini, dan akan diundi mengikut Peraturan Mesyuarat 47.

BELAH-BAHAGIAN

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju 16; Yang Tidak Bersetuju, 79; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga
2. Dr Chen Man Hin
3. Tuan Lim Kit Siang
4. Dr Tan Chee Khoon
5. Tuan Edwin anak Tangkun
6. Tuan Luhut Wan
7. Tuan Fan Yew Teng
8. Tuan Farn Seong Than
9. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
10. Tuan Lee Lam Thye
11. Tuan Chian Heng Kai
12. Tuan Ngan Siong Hing
13. Tuan Patrick Anek Uren
14. Tuan Sibut anak Tagong *alias* Sibut Miyut anak Tagong
15. Tuan Thomas Salang Siden
16. Tuan Oh Keng Seng

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein
2. Tan Sri Ong Kee Hui
3. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong
4. Tan Sri Lee Siok Yew
5. Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj
6. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob
7. Tuan Michael Chen Wing Sum
8. Datuk Abdul Samad bin Idris
9. Datuk Shariff Ahmad
10. Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail
11. Datuk Mohamed bin Rahmat
12. Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
13. Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Mat Isa
14. Tuan Chan Siang Sun
15. Datuk Abdullah Ahmad
16. Tuan Abu Bakar bin Umar
17. Tuan Richard Ho Ung Hun
18. Dr Sulaiman bin Haji Daud
19. Tuan Paul Leong Khee Seong
20. Tuan Haji Ramli bin Omar
21. Tuan Abdullah bin Majid
22. Dr Neo Yee Pan
23. Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif
24. Tuan Rais bin Yatim
25. Tuan Lim Kiam Hoon *alias* Lim Ah Ying
26. Tuan Mohd. Zahari bin Awang
27. Tuan Zakaria bin Abdul Rahman
28. Tuan Shamsuddin bin Din
29. Tuan Stephen Robert Evans
30. Tuan Oo Gin Sun
31. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail
32. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
33. Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
34. Tuan Haji Jamil bin Ishak
35. Tuan Embong bin Yahya
36. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed
37. Tuan Jaafar bin Hamzah
38. Raja Nasron bin Raja Ishak
39. Dr Ling Liong Sik
40. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
41. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
42. Wan Zainab binti M. A. Bakar
43. Tuan Ariffin bin Haji Daud
44. Tuan Rasiah Rajasingam
45. Tuan Richard Damping anak Laki
46. Tuan S. Samy Vellu
47. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar
48. Tan Sri Syed Jaafar Albar
49. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir
50. Tuan Tan Cheng Bee
51. Tuan Jawan anak Empaling
52. Tuan Azahari bin Md. Taib
53. Tuan Latip bin Haji Dris
54. Datuk Haji Shafie bin Abdullah
55. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim
56. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid
57. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin
58. Tuan Mohd. Zain bin Abdullah
59. Tuan Sulaiman bin Haji Taib
60. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin
61. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim
62. Datuk Peter Lim Pui Ho
63. Dr Hee Tien Lai
64. Tuan Shaari bin Jusoh
65. Tuan Pang Sui Chee *alias* Alex Pang
66. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya
67. Tuan Wee Ho Soon
68. Tuan Loh Fook Yen
69. Tuan K. Pathmanaban
70. Puan Chow Poh Kheng
71. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
72. Tuan Lukman bin Abdul Kadir
73. Tuan Abu Bakar bin Arshad
74. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin
75. Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman
76. Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar
77. Tuan Chieng Tiong Kai
78. Tuan Hashim bin Ghazali
79. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Usul tidak disetujukan. (*Tepuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 28hb Oktober, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.